

40 HARI PUASA & DOA NECF

KERAJAAN-MU DATANGLAH

7^{HB} OGOS - 15^{HB} SEPTEMBER 2013

KATA PENGHANTAR

PERAYAAN 40 HARI PUASA & Doa tahun ini diadakan sempena tahun Jubli Malaysia. Apabila hari berpuasa berakhir pada hari Malaysia yakni 16 September 2013, kita akan melangkah masuk ke dalam tahun ke 50 sebagai sebuah negara hasil gabungan tiga entiti berdaulat dan sama rata – Sarawak, Sabah dan Mala. Ada baiknya kita menilai kembali kedudukan negara tatkala merayakan detik bersejarah 50 tahun ini.

Malaysia diberkati dengan kekayaan sumber semula jadi, pembangunan fizikal serta masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Kisah kita adalah satu hikayat pembangunan negara yang luar biasa. Ini kerana, meskipun jurang perbezaan di antara rakyat ujud, kita tetap menikmati perpaduan dan keharmonian. Namun dalam tahun-tahun kebelakangan ini kita melihat adanya ancaman kepada keamanan yang dikecapi atas nama “hak” dan keistimewaan. Semuanya kerana tamak akan kuasa, secara politik mahupun agama. Kita sememangnya negara moden dan maju dari pelbagai aspek, namun bilangan rakyat yang masih hidup di dalam kemiskinan malah terputus daripada pembangunan adalah terlalu tinggi. Sumber-sumber dirompak dankekayaan disalah pakai. Ruang bagi kebebasan untuk mempertimbangkan, menyuarakan serta mengamalkan agama masing-masing dihapuskan. Khazanah yang kita kongsikan sekian lama sebagai sebuah negara yang

berbilang kaum – untuk hidup secara aman dengan kemakmuran dan nikmat kebaikan bersama – dapat dihapuskan dengan mudah apabila agenda yang penuh dengan kepentingan diri sendiri didahulukan daripada matlamat negara.

Sebagai kesinambungan bagi Jubli Malaysia, marilah kita sebagai orang Kristian menuju kepada satu agenda – untuk melihat “Kerajaan-Mu Datanglah”. Inilah tema bagi 40 Hari Puasa & Doa tahun ini. Kita ingin mendoakan penggenapan bagi rancangan agung serta hadirat dan kuasa transformatif Tuhan ke atas Malaysia.

Semua pergelutan dan ketidakpuasan hati yang kita saksikan adalah tuaian jerih payah kita. Marilah kita bekerja keras di dalam doa untuk melihat kedatangan Kerajaan dan rancangan-Nya di bumi sama seperti di Syurga. Oleh itu, marilah kita menjadi pengelolah untuk Kerajaan-Nya!

Harapan saya agar buku doa ini memberikan anda dorongan untuk terus berjuang demi membangunkan negara sebagai persembahan dan korban hidup kepada Tuhan kita yang Maha Esa. Semoga anda diberkati sewaktu anda mencari TUHAN untuk Malaysia.

Eugene Yapp

Setiausaha Agung, NECF Malaysia

► Pesanan daripada Rev Eu Hong Seng, Pengurus NECF Malaysia

KERAJAAN-MU DATANGLAH

50 TAHUN YANG MENDATANG BAGI Malaysia, dengan izin Tuhan, adalah satu jangka masa yang rapuh dari segi politik, sosial dan ekonomi.¹

Sewaktu Gereja berdoa, “datanglah Kerajaan-Mu”, pengkhutbah-pengkhutbah seperti nabi Yeremia harus bangkit. Pesanan nabi Yeremia kepada rakyat Yehuda adalah: hapuskan hatimu yang penuh berhala.

Yeremia dilantik untuk “mencabut dan menjatuhkannya, untuk membinasakan dan menggulingkannya, untuk membina dan menegakkannya” (Yeremia 1:10). Di kala orang ramai disantapkan dengan “semuanya baik dan aman” (Yeremia 6:14) Yeremia mengutbahkan pengadilan yang bakal menimpa. Sewaktu penyembahan sumbang dan gaya hidup pincang Yehuda diterima oleh para pemimpin mereka, Yeremia dengan tegas mengecam dosa dan berhala mereka. Walaupun pesanan Yeremia memiliki harapan bagi pembinaan semula, ia hanya akan tiba selepas tindakan membinasakan dan menggulingkan (Yeremia 31:28,40).

Sekiranya kita jujur, kita akan mengakui ramai umat Allah yang telah memalingkan tumpuan kita daripada Allah kepada mencapai materialisme kosong dan “persembahan kehormat” tanpa sebarang komitmen terhadap Amanat Agung. Dengan meletakkan wang dan kepuasan di hadapan, kita bertanggungjawab bagi kepincangan

moral dan penurunan aklak masyarakat. Di kala kita menangisi tanda-tanda kehancuran masyarakat, kita harus mendengar puncanya: umat Allah telah meninggalkan Tuhan.

Sekiranya kita tidak kembali kepada Allah dan mematuhi perintah firman-Nya, rayuan “Kerajaan-Mu datanglah” hanya sekadar seruan kosong.

Kita harus kembali kepada “jalan yang lama” (Yeremia 6:16). Jalan Tuhan yang jelas adalah bagi kita untuk mengasihi Dia dengan segenap hati, menyanjungi Firman-Nya, meninggikan Dia dengan hidup yang kudus, sambil memastikan kita memberikan teladan yang baik kepada orang lain.

Negara kita (dan juga seluruh dunia), berada tidak jauh daripada kemusnahan abadi. Kedatangan TUHAN sudah semakin dekat. Negara ini memerlukan Gereja yang berani untuk mengutuk dosa dan mewartakan semua jalan Allah yang benar serta memberikan amaran akan penghakiman yang semakin dekat dengan tangisan.

Hanya dengan itu, barulah tangisan “Kerajaan-Mu datanglah” menjadi bermakna.

¹ Saya percaya bahawa kedatangan-Nya adalah lebih dekat.

► Dr Khoo Kay Hup, Pengerusi, Komisi Doa NECF

MENGAPA KITA HARUS BERPUASA DAN BERDOA

SUDAH 12 TAHUN SEJAK KALI PERTAMA NECF mengadakan 40 hari-Berpuasa dan Berdoa. Persoalannya adalah, setelah sekian lama, mengapa ia masih diteruskan?

Apakah pandangan anda? Saya percaya sebelum kembalinya Yesus dan selama syaitan masih menghuru-harakan dunia, kita harus berwaspada serta berjaga akan perang rahi. Rasul Paulus mengingatkan para

pengikutnya di Efesus 6:10-12,

6:10 Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasanya.

6:11 Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis;

6:12 karena perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-



penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara.

Ramai orang Kristian mungkin memahami akan perlunya doa seperti yang Yesus lakukan di Taman Getsemane demi melawan saat godaan (Matius 26:36-41). Kita juga faham akan kepentingan untuk kekal berdoa (Lukas 18:1-7). Namun, berpuasa adalah satu perkara yang lain daripada yang lain. Perjanjian Baru tidak menyentuh soal berpuasa. Namun demikian, bagi kemenangan di dalam peperangan roh untuk dicapai, kita bukan sahaja harus berdoa, tetapi ada kalanya berpuasa juga dituntut. Untuk mengalahkan sesetengah roh, Yesus memberitahu para murid-Nya bahawa mereka harus berdoa dan berpuasa (Matius 17:19-21 dan Markus 9:23-29). Tambahan lagi, Yesus berkata bahawa Dia (pengantin lelaki) akan diambil, kemudian murid-Nya akan berpuasa (Matius 9:14-15; Markus 2:18-20). Selepas itu, Kisah Rasul-Rasul 13:1-3; 14:21-23 dan 2 Korintus 6:3-5; 11:25-27 merekodkan bahawa murid-Nya dan Rasul Paulus sendiri berpuasa dan berdoa. Paulus juga menjangkakan umat Allah pada waktu itu untuk turut meluangkan masa untuk berdoa dan berpuasa (1 Korintus 7:5).

Yesus, murid-Nya, para Rasul dan pemimpin-pemimpin gereja terawal berpuasa bukan sekadar disiplin kerohanian, mereka memahami implikasinya di dalam konteks peperangan rohani. Kita juga harus berdoa dan berpuasa sekiranya kita ingin menjadi pemenang di dalam peperangan ini.

Seperti yang dikatakan oleh Jack

Hayford: “kebanyakkan umat Allah di zaman Perjanjian Baru akan mengakui bahawa puasa mempunyai tempat di gereja hari ini, tetapi hanya segelintir yang memahaminya. Sama seperti “peperangan rohani,” yang tidak diendahkan kerana ajaran akan puasa – sebuah senjata yang sangat berkuasa di dalam peperangan – dilepas pandang. Ada pihak yang mempersoalkan asas dan tempat bagi puasa. Apa yang dikatakan oleh Yesus? Meskipun Dia tidak membuat sebarang perintah dengan jelas, “Anda harus berpuasa!” Dia tetap membuat kenyataan-kenyataan yang tegas mengenai puasa – kata-kata yang tidak boleh dilepas pandang, malah sebagai pahlawan rohani, kita tidak harus memandang remeh akannya.¹”

Oleh itu, marilah kita mara ke hadapan untuk mengasingkan 40 Hari Berpuasa dan Berdoa yang akan datang untuk melaksanakan disiplin ini. Semoga Allah akan membantu kita sewaktu kita melakukannya di dalam nama Tuhan Yesus Kristus.

► Komisi Pengkaji NECF

MEMAHAMI ‘KERAJAAN-MU DATANGLAH’

FRASA “KERAJAAN-MU DATANGLAH” difahami ramai dengan cara yang berbeza. Ada yang melihatnya sebagai harapan akhir zaman di dalam Kristus. Ada sesetengah pihak yang melihatnya sebagai penggenapan bagi nubuat kedatangan Kristus sebagai penyelamat dan mesias negara Israel. Pada waktu itu, ia dirujuk sebagai jangkaan dan harapan orang-orang Yahudi bagi pemerintah Allah yang akan datang ke atas seluruh umat manusia. Ia merangkumi penggenapan rancangan Allah di dalam sejarah dan juga bumi ini. Ungkapan sedemikian boleh didapati di dalam buku Matius, penulisnya mengiaskan injil sebagai pengumuman bagi kedatangan pemerintahan Allah dan ia bermula dengan insan dan pelayanan Yesus Kristus. Secara praktikalnya, pengumuman sedemikian bermaksud rancangan Allah akan terjadi di muka bumi dan Allah sebagai Tuhan yang agung akan membawa kebaikan dan pembaharuan kepada ketertiban zaman tersebut.

Meskipun frasa tersebut diluahkan sebagai doa, ia masih mempunyai implikasi etika kepada semua pengikut Kristus. Ini dapat dilihat dengan jelas kerana Yesus mengajar murid-Nya untuk berdoa sedemikian rupa. Setiap murid-Nya adalah saksi bagi janji akan pemerintahan Allah yang telah bermula di dalam Kristus Yesus seperti yang diwartakan oleh Injil. Sebagai pengikut

Kristus hari ini, kita adalah penerima bagi berkat tersebut, sekaligus menjadikan kita ahli di dalam pemerintahan-Nya. Oleh itu, imperatif etika bagi kita adalah peranan untuk memantulkan, menyebarkan berita baik ini kepada orang di sekeliling kita; jiran tetangga, komuniti, masyarakat dan negara yang memberikan identiti nasional kepada kita.

Ini bermaksud, umat Kristian di Malaysia, pada detik tahun Jubli ini harus memanifestasikan realiti pemerintahan Allah dan hadirat-Nya di mana jua, tanpa mengira masa di dalam hidup kekeluargaan, kerjaya dan seterusnya seluruh pelusuk sfera pengaruh yang telah Allah berikan kepada kita.

PANDUAN UNTUK BERPUASA



A. Berpuasa

KETIKA KITA MENYEDIAKAN DIRI UNTUK sekali lagi menyambut 40 Hari Puasa dan Doa Nasional dengan tema “Kerajaan-Mu Datanglah”, marilah kita diingatkan kembali bahawa puasa sebenar adalah berkenaan dengan keadaan hati kita. Mari kita tanya diri kita mengapakah kita berpuasa dan apakah yang Allah kehendaki daripada kita.

Yesaya 58 menunjukkan bahawa puasa sebenar bukan sekadar menahan diri daripada mengambil makanan dan juga aktiviti keagamaan semata-mata. Allah melihat kepsusuan hati umat-Nya berdasarkan ritual

keagamaan mereka yang kosong. Tanpa hati yang tulus, ketaaaan dan pertaubatan yang benar, Allah memalingkan muka daripada umat pilihan-Nya.

Oleh itu, fokus, motivasi dan hati kita ketika berpuasa akan menentukan darjah bagi perkembangan hidup kita, secara individu dan korporat, walaupun kita sebagai umat-Nya menginginkan keluarga, komuniti dan negara untuk diperbaharui sepenuhnya. Inilah masanya bagi kita, secara individu dan berkumpulan untuk merenung dan menyelidiki hati, untuk tunduk, menghubung dan menyelaraskan hati kita kembali kepada Tuhan, membentarkan Dia

untuk memeperbaharui kita sepenuhnya, agar rancangan-Nya turut menjadi milik kita. Hanya dengan itu barulah kita mampu berdoa dengan efektif bagi Kerajaan-Nya datang dan kehendak-Nya terlaksana di seluruh pelusuk masyarakat. Sehingga kita mematuhi dan membenarkan Tuhan untuk menggembur lebih dalam, sehingga kita tunduk kepada-Nya, Kerajaan-Nya memerintah hati kita, lantas menghasilkan doa-doa yang efektif.

Sasaran kita berpuasa bukanlah untuk memulas tangan Allah tetapi untuk mencari wajah-Nya serta berpaling daripada jalan kita yang sesat agar hubungan kita dengan Allah dapat dieratkan. Deria rohani kita juga turut menjadi tajam untuk mendengar Dia. Tambahan lagi, kita harus memulihkan pendekatan yang menyeluruh terhadap doa dan puasa agar ia tidak lagi diasingkan daripada satu dan yang lain. Ia adalah sebahagian daripada asasi hidup bersama dengan Allah. Agar kita menunjukkan nilai-nilai dan prinsip Kerajaan Allah melalui kelakuan dan tindakan sehari-hari untuk memuliakan Dia sebagai garam dan terang yang akan memberkati semua orang.

Sewaktu berpuasa, luangkan masa untuk mencari Tuhan di dalam doa sambil membaca Firman-Nya. Anda bebas untuk memilih jenis puasa yang harus anda jalani:

- **Puasa penuh:** Berpuasa daripada makanan dan hanya mengambil air dan cecair lain.
- **Puasa satu hidangan:** Mengorbankan satu hidangan sehari.
- **Puasa Daniel:** Berpuasa daripada daging, hanya mengambil buah-buahan dan sayur-sayurang.
- **Puasa penafian:** Menafikan diri daripada mengambil/melakukan makanan/perkara kegemaran seperti kopi, the, coklat, manisan mahupun bergosip.
- **Puasa Media:** Menahan diri daripada televisyen, surat khabar, komputer, permainan komputer, wayang dan internet.

Ada baiknya bagi anda untuk berpuasa bersama-sama orang lain. Berikut adalah beberapa cadangan yang boleh anda ikuti:

- **Puasa Bekeluarga:** Untuk membina mezbah keluarga, berpuasa dan berdoalah sebagai satu keluarga. Pilih jenis puasa yang sesuai dengan ahli keluarga. Bagi waktu renungan keluarga pula; datang bersama untuk membaca dan berdoa berdasarkan Firman yang terdapat di dalam tema harian.
- **Puasa kelompok sel:** Berpuasalah bersama-sama secara berkumpulan dengan memilih jenis puasa yang khusus. Anda mungkin ingin menjadualkan masa khas setiap hari bagi ahli sel untuk berdoa ketika berpuasa.
- **Puasa pejabat:** Dorong umat Kristian yang ada di pejabat anda untuk



berpuasa bersama-sama. Anda boleh menggunakan masa rehat ataupun makan tengah hari untuk berpuasa dan berdoa melalui Fokus Doa harian.

- **Puasa Mobile/Skype:** Pada zaman komunikasi ini, doa terletak di hujung jari. Buatlah perjanjian untuk berdoa bersama rakan melalui telefon. Pilihlah masa yang khusus untuk menghubungi satu dengan yang lain untuk berdoa. Adalah lebih baik sekiranya anda boleh mencari rakan yang berasal daripada gereja dan denominasi yang sama!

B. Memberi

KITA DIINGATKAN DI DALAM LUKAS 12: 48 bahawa “kepada orang yang telah diberikan banyak, daripadanya akan dituntut banyak juga”. Oleh kerana Allah tetap memberkati Gereja Malaysia dengan sumber rohani dan kebendaan yang berkelimpahan, kita akan meneruskan pungutan kebajikan tahunan. Kami menggesa umat Kristus untuk menabur wang yang tersimpan hasil

daripada berpuasa kepada pungutan ini. Dana tersebut bertujuan untuk memberkati mereka yang memerlukan dan menyumbang kepada projek pembangunan negara. Berikut adalah empat langkah untuk menyalurkan pemberian anda:

1. Masukkan wang makanan yang anda tidak pakai semasa puasa, ke dalam sampul yang disediakan.
2. Pada akhir masa puasa, kira wang simpanan anda dan kirim dengan menggunakan cek kepada kami, dan gunakan sampul yang disediakan.
3. Sila tulis: NECF A/C 2 pada cek itu.
4. Di belakang cek, sila tulis ‘Untuk Tabung Kebajikan 2013’

C. Rumahku Malaysia

DISAMPING PUNGUTAN PUASA DAN KEBAJIKAN tahunan, kami juga turut memanggil umat Kristian untuk melibatkan diri di dalam projek Rumahku Malaysia (MyHome Malaysia). Projek ini adalah sebuah inisiatif untuk membawa doa keluar daripada lingkungan gereja kepada lorong-lorong, kejiraninan, komuniti, tempat kerja, sekolah, kolej dan di mana sahaja Allah menempatkan kita. Kami percaya, dengan berbuat demikian, Allah akan memberikan kita peluang untuk memberkati dan melakukan kebaikan sebagai saksi Kerjaan Allah kepada negara. Oleh itu, kami mendorong anda untuk turut berpuasa dan berdoa secara fizikal di lorong-lorong, kejiraninan, komuniti dan institusi anda di sepanjang 40 hari yang akan datang.

► Hari 1 | 7 Ogos

PEMERINTAHAN ALLAH

Sebab TUHAN adalah Allah yang besar dan Raja yang besar mengatasi segala alah.

Mazmur 95:3

Yesus baru sahaja selesai berdoa. Murid-murid-Nya datang lalu meminta Dia mengajar mereka untuk berdoa. Yesus menjawab, berdoalah seperti ini: Bapa kami yang di sorga, diKuduskanlah nama-Mu. Datanglah Kerajaan-Mu.

Apakah maksud ‘Datanglah Kerajaan-Mu’? Maksudnya adalah untuk memohon Allah menaung dan memerintah hidup, keluarga dan dunia kita.

Mengapakah kita memerlukan naungan-Nya? Sebelum wujudnya dosa, Kerajaan Allah sudah sekian lama memerintah bumi. Dunia tampak sempurna tanpa sebarang kecacatan. Walau bagaimanapun, apabila manusia mengkhianati Tuhan, Kerajaan tersebut dimansuhkan. Manakala dosa, sakit-penyakit dan Syaitan bermaharajalela. Itulah detik permulaan bagi kemasuhan dan kehancuran manusia dan ciptaan Allah. Namun demikian, Allah tidak membiarkan ciptaan-Nya. Dia telah menghantar anak-Nya yang tunggal ke dunia untuk mati bagi dosa manusia. Ini sekaligus membuka jalan bagi kemungkinan akan kembalinya Kerajaan Tuhan di muka bumi dan manusia. Melalui Kerajaan-Nya, hidup, keluarga dan dunia kita boleh dipulihkan.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Gereja tunduk dan mendukung pemerintahan Tuhan Raja.
- Doakan supaya manusia kembali kepada pemerintahan Tuhan.
- Doakan agar pemerintahan Tuhan terlaksana di negara kita.
- Doakan pemulihan bagi Malaysia di kala pemerintahan Allah didirikan di negara kita.

► Hari ke 2 | 8 Ogos

DIUBAHKAN OLEH KERAJAAN TUHAN

Aku mengusir roh jahat dengan kuasa Allah dan hal ini membuktikan bahawa Allah sudah mula memerintah di tengah-tengah kamu. Lukas 11:20

Sewaktu Yesus memulakan pelayanan-Nya, Dia membawa bersama-Nya sebuah kebangkitan rohani di Galilea. Orang ramai mula menjadi lapar akan Firman Tuhan dan para pelaku dosa kembali kepada Allah. Mereka yang sakit disembuhkan dan yang tertindas dibebaskan. Ramai orang berkumpul untuk mendengar Firman Tuhan dan seluruh komuniti dibangkitkan. Apakah punca di sebalik impak ini? Ia adalah hadirat Kerajaan Allah. Yesus mengisyiharkan, ‘Kerajaan Allah sudah datang!’ Apabila Kerajaan tersebut datang, hati, hidup, komuniti akan dipulihkan malah negara akan mengalami perubahan. Apa yang kita perlukan hari ini adalah hadirat Kerajaan-Nya.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Gereja Tuhan menginginkan serta memaparkan hadirat Kerajaan Allah.
- Doakan hadirat Kerajaan Allah didirikan di seluruh pelusuk negara ini.
- Doakan agar setiap orang akan merasakan impak hadirat Kerajaan Allah.
- Doakan agar negara ini mengalami perubahan melalui hadirat Kerajaan Allah.

► Hari ke 3 | 9 Ogos

MENYAMBUT SANG RAJA

Bukalah pintu zaman purba seluas-luasnya, Raja yang mulia akan masuk!

Mazmur 24:7

Setiap negara mempunyai seorang raja. Raja yang Diurapi bagi Kerajaan Allah adalah Yesus. Dia ialah Raja segala raja, Tuhan segala tuhan. Kerajaan Allah ada bersama-sama dengan Raja-Nya. Yesus mampu mengisyiharkan dan memanifestasikan kuasa Kerajaan Allah kerana Dia, Raja bagi kerajaan tersebut hadir. Sekiranya kita mahu menerima Kerajaan Allah, kita juga harus menerima Raja-Nya. Sewaktu Raja diagungkan, Kerajaan-Nya akan didirikan. Apabila Kerajaan-Nya didirikan, kuasa-Nya akan dinyatakan.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Gereja Tuhan akan mentaati dan mengagungkan Sang Raja di seluruh pelusuk negara.
- Doakan agar keindahan dan kemuliaan Tuhan dapat dilihat oleh semua orang.
- Doakan agar semua orang akan membuka hati mereka untuk menerima pemerintahan Tuhan Raja.

► Hari ke 4 | 10 Ogos

KUASA KERAJAAN ALLAH

Oleh itu, bagaimakah kita boleh selamat, jika kita tidak mempedulikan penyelamatan yang agung itu? Tuhan sendirilah yang pertama sekali mengisyiharkan penyelamatan itu, dan orang yang mendengarnya sudah membuktikan kebenarannya kepada kita. Di samping itu, Allah juga menguatkan kesaksian mereka dengan melakukan pelbagai mukjizat dan keajaiban. Dia juga membahagi-bahagikan pemberian Roh Allah menurut kehendak-Nya sendiri. **Ibrani 2:3-4**

Yesus tidak melakukan sebarang keajaiban mahupun kesembuhan pada 30 tahun pertama hidup-Nya. Walau bagaimanapun, dia mula mewartakan Kerajaan Allah disertai dengan tanda-tanda dan keajaiban selepas dibaptis oleh Yohanes. Apakah penyebab di sebalik perubahan tersebut? Ia adalah Roh Allah. Roh tersebut turun ke atas Yesus seperti seekor burung merpati sewaktu pembaptisan-Nya. Dia kemudian kembali ke Galilea dengan kuasa Roh. Di sinilah terletaknya kuasa bagi Kerajaan Tuhan – Roh Allah. Yesus melakukan semua keajaiban dan kesembuhan melalui kuasa Roh Kudus. Kuasa yang sama juga mampu bekerja di dalam kita sekiranya doa kita panjatkan kepada Bapa di Syurga kerana Roh yang ada di dalam kita adalah milik-Nya.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Gereja akan kembali kepada kuasa Roh Kudus.
- Doakan agar kuasa Roh Kudus akan memenuhi Gereja
- Doakan agar kuasa Roh Kudus akan kembali dengan tanda-tanda dan keajaiban.
- Doakan agar semua orang akan menyedari, dipulihkan dan diubahkan oleh kuasa Roh Kudus.

► Hari ke 5 | 11 Ogos

KERAJAAN YANG AKAN DATANG

*Kemudian malaikat ketujuh meniup trompetnya dan suara-suara lantang di syurga berkata, “Allah, Tuhan kita dan Penyelamat yang diutus-Nya mempunyai kuasa untuk memerintah dunia. Dia akan memerintah selama-lamanya!” **Wahyu 11:15***

Walaupun Kerajaan-Nya telahpun datang melalui kehadiran dan kuasa Roh Kudus, manifestasi yang lengkap masih belum datang sepenuhnya. Bilakah perkara ini akan terjadi? Ia akan mengambil tempat sewaktu Yesus kembali bersama semua orang Kudus-Nya untuk memerintah dan menaungi bumi. Apabila hari tersebut tiba, dunia akan melihat Kerajaan Allah secara fizikal di atas bumi. Bumi akan mengalami keamanan sejati, keadilan dan kebenaran kerana Raja segala raja akan memerintah. Semua ini adalah penggenapan bagi seluruh Injil serta penyempurnaan bagi penyucian kita. Perkara inilah yang akan membawa perubahan yang berkekalan. Kita mampu menggesakan penggenapan ini dengan berdoa serta menginginkan kedatangan-Nya.

Cadangan Doa:

- Doakan kembalinya Sang Raja
- Doakan pemulihan yang sempurna bagi dunia kita.
- Doakan agar negara kita bersedia untuk menerima kedatangan Tuhan Raja.
- Doakan agar gereja, sebagai pengantin perempuan Kristus bersedia untuk perkahwinannya.

► Hari ke 6 | 12 Ogos

RAJA KERAJAAN

Yesus berkata, "Pemerintahan-Ku bukan dari dunia ini. Jika pemerintahan-Ku dari dunia ini, semua orang-Ku akan melawan supaya Aku tidak diserahkan kepada para penguasa Yahudi. Tidak, pemerintahan-Ku bukan dari dunia ini!" **Yohanes 18:36**

Kerajaan Allah bukan sekadar sebuah konsep tetapi satu realiti radikal yang sepatutnya menghasilkan gaya hidup radikal. Hanya ada dua kerajaan yang wujud di muka bumi: Kerajaan Allah dan kerajaan zaman ini. Tidak ada posisi atas pagar; sama ada kita hidup di bawah naungan-Nya ataupun kita hidup di dalam kerajaan bukan milik-Nya. Kedua-dua kerajaan ini berseteru setiap masa. Apabila kita tunduk kepada Yesus, Firman Allah, Kerajaan Allah dilepaskan, tetapi sekiranya kita menolak Yesus, Firman Tuhan, kerajaan yang satu lagi akan bermaharajalela. Yesus bukanlah Penyelamat kita sekiranya dia tidak menjadi Tuhan dan Raja kita. Tanpa Kerajaan Allah, berita baik tidak akan wujud dan Kerajaan Allah tidak akan wujud tanpa adanya Raja. Yesus adalah Raja bagi Kerajaan-Nya. Kerajaan-Nya bukan dari dunia ini, mahupun berasal daripadanya. Walaupun semua kerajaan berakhir, Kerajaan Allah akan terus bertahan selamanya. H.G.Wells menulis di dalam bukunya *The Unshakable Kingdom and The Unchanging Person*, "Inilah cadangan paling radikal untuk menukar tertib dunia kepada ketertiban Allah, yakni Kerajaan Allah." Kerajaan Allah bakal menjelang.

Cadangan Doa:

- Renungkan Yohanes 18: 36-38 dan Matthew 12: 25-30. Yesus ialah Penyelamat anda. Relakah anda tunduk kepada-Nya serta membenarkan Dia untuk memerintah seluruh hidup anda sebagai seorang Raja?
- Berdoalah agar Roh Kudus akan memperlihatkan anda bahagian hidup yang belum diserahkan sepenuhnya kepada ketuanan Yesus Kristus. Bawalah pertaubatan ke atas bahagian-bahagian tersebut. Jemputlah Yesus untuk mengambil takhta-Nya.
- Berdoalah agar Tuhan akan menyediakan hati anda untuk setia melihat kedatangan Kerajaan-Nya di dalam hidup anda melalui penyerahan diri setiap hari.
- Mintalah kepada Allah untuk mengajar anda jalan Kerajaan-Nya serta memenuhi anda supaya anda akan bersungguh-sungguh menjalani gaya hidup Kerajaan Allah.

Deklarasi: Tuhan Yesus, aku menjemput engkau ke dalam hidupku. Aku turun daripada takhta batiku dan mengisytiharkan engkau sebagai Raja yang bertakhta di dalam hidupku. Ambillah tempat-Mu dan Kerajaan-Mu datanglah. Laksanakanlah rancangan-Mu sepenuhnya di dalamku.

► Hari ke 7 | 13 Ogos

PRINSIP-PRINSIP KERAJAAN ALLAH

*Janganlah ikut kebiasaan dunia, tetapi biarlah Allah membaharu i cara kamu berfikir, sehingga kamu dapat mengetahui kehendak Allah -- iaitu apa yang baik dan yang menyenangkan hati- Nya, serta yang sempurna. **Roma 12:2***

Ajarnan Yesus mengenai Kerajaan Allah adalah bertentangan dengan sistem dan nilai-nilai masa kini. Kita tidak mampu menjadi saksi yang efektif untuk menyebarkan Kerajaan-Nya sekiranya diri kita tidak ditenggelami dengan Firman Allah, nilai dan prinsip-prinsip Kerajaan-Nya. Piawai serta nilai-nilai masa kini kian melemahkan keberkesanan kita. Kita harus menafikan keinginan daging.

Di dalam Kisah Para Rasul 17:6, Paulus dan menggagarkan status quo zaman mereka dengan tegas melalui prinsip-prinsip Kerajaan Allah. Tidak ada jalan pintas sekiranya anda mahu melihat hidup anda memberikan impak kepada kota, kediaman dan komuniti kepada kemuliaan-Nya. Kita memerlukan perubahan hati dan minda yang radikal. Sewaktu kita meluruskan nilai dan prinsip-prinsip kita berdasarkan Firman Tuhan, Kerajaan-Nya akan tiba, kehendak-Nya akan terlaksana.

Cadangan Doa:

- Tinggalkan status quo dan iman anda yang berbelah bagi. Berserulah kepada Tuhan.
- berdoa bagi pembebasan daripada tipu-daya si jahat. Sahutlah panggilan untuk mengalami kebebasan sebenar di dalam Kristus serta untuk mati kepada keinginan diri sendiri dengan sukacita.
- Mintalah kepada Allah untuk membantu anda menyayangi serta menunjukkan kebaikan tanpa mengharapkan balasan kepada semua orang.

Deklarasi: Aku berhenti menjadi raja diriku sendiri di dalam hati. Saya mengisyiharkan bahawa pembebasan dan keselamatan datang daripada Allah dan Dia akan memimpin saya kepada semua kebenaran. Semua perkara yang saya genggam demi jaminan kini saya lepaskan. Saya mengisyiharkan bahawa Allah adalah Tuhan yang setia. Maka itu, saya akan mengikuti dan melayani Dia. Saya sanggup menafikan diri sendiri untuk mentaati Tuhan.

► Hari ke 8 | 14 Ogos

KUASA KERAJAAN ALLAH

*Hal itu demikian kerana Pemerintahan Allah bukanlah soal makanan atau minuman, tetapi kerelaan melakukan kehendak Allah, ketenangan hati, dan kegembiraan, yang semuanya dikurniakan oleh Roh Allah. **Roma 14: 17***

Roma 14: 17 mengajar kita bahawa Kerajaan Allah ada bersama Roh Kudus. Kuasa Roh Kudus adalah demonstrasi sebenar Kerajaan Allah. Roh Kuduslah yang membangkitkan Kristus daripada kematian. Dialah sungai yang akan mengalir keluar daripada hati orang yang percaya menurut Yesus. Dia memberikan kehidupan dan kesegaran. Kita mempunyai kehormatan untuk hidup di dalam kuasa Roh Kudus. Kehormatan tersebut seharusnya membuat kita lebih haus untuk berjumpa dengan Allah di mana kuasanya boleh mengalir melalui kita untuk membawa perubahan.

Cadangan Doa:

- Bertaubatlah dan berpalinglah daripada perkara yang akan menghalang anda daripada dipenuhi dengan Roh Kudus Allah. Mintalah Allah untuk memenuhi anda dengan Roh Kudus-Nya.
- Berdoalah agar Tuhan akan memberikan anda keinginan yang dalam untuk mengalami pertemuan kerohanian dengan-Nya.
- Persembahkanlah diri anda sebagai saluran bagi Roh Kurus untuk memberikan impak kepada orang lain.

Deklarasi: Aku mengisyitiharkan Kerajaan Allah ada di dalamku kerana Tuhan Raja hidup di dalamku. Saya menolak semua pembohongan yang bertentangan dengan Firman Tuhan. Saya melumpuhkan kuasa pembohongan di dalam hidup saya. Aku percaya bahawa aku diberikan kuasa oleh Roh Kudus yang hidup di dalamku untuk menjalani hidup yang kudus. Aku mengisyitiharkan bahawa dari dalamku akan mengalir air kehidupan yang membawa hidup dan perubahan kepada persekitaranku.

►Hari ke 9 | 15 Ogos

IMAM DAN KERAJAAN

Mereka menyanyikan sebuah lagu baru, “Engkau layak mengambil gulungan naskah itu dan memecahkan meterai-meterainya, kerana Engkau telah dibunuh dan dengan kematian-Mu, manusia daripada semua suku, bahasa, negara, dan bangsa telah Engkau beli untuk Allah. Engkau sudah menjadikan mereka imam yang mengabdi kepada Allah kita, dan memerintah.” **Wahyu 5: 8-10**

Meskipun dengan kegagalan dan kekurangan kita, di dalam tangan Tuhan, kita masih adalah agen perubahan yang paling berkuasa untuk meluaskan Kerajaan Allah, melaksanakan rancangan keselamatan-Nya serta membawa harapan dan penyembuhan kepada masyarakat. Matlamat Tuhan bukan sekadar membawa anda ke Syurga, Dia juga turut menginginkan supaya realiti Kerajaan Syurga-Nya hidup di dalam dan melalui anda. Di dalam Wahyu 5:8-10, kita dipanggil untuk menjadi kerajaan dan imam kepada Tuhan kita. Kita dipanggil untuk memimpin serta menguasai dunia. Anda mungkin bukan pemimpin di dalam gereja mahupun tempat anda bekerja, tetapi sewaktu anda berserah dan akur kepada pemerintahan-Nya, anda pasti akan menyatakan Kerajaan-Nya di mana jua anda berada. Kita harus mengikuti Sang Raja; Dia memerintah dengan hati seorang gembala yang penuh dengan belas kasihan terhadap umat-Nya.

Cadangan Doa:

- Sembahlah Tuhan di atas apa yang sudah dilakukan-Nya untuk anda. Pujilah Dia kerana Dia telah memanggil anda.
- Mintalah Tuhan untuk memberikan anda keberanian dan kematangan rohani agar anda mampu menjadi wakil bagi pemerintahan-Nya.
- Berdoalah agar Tuhan akan menunjukkan anda bahagian di dalam hidup dan pekerjaan anda yang telah disediakan-Nya bagi anda untuk menjadi utusan dan menyatakan pemerintahan-Nya.
- Berdoalah kepada Tuhan bagi hati seorang gembala.

Deklarasi: Aku mengisyiharkan Kerajaan Allah ada di dalamku. Aku percaya bahawa Dia telah menyelamatkan aku daripada kegelapan dan Roh Allah sedang mengubah diriku untuk menyerupai Kristus dan memerintah bersama-Nya. Aku bertaubat daripada mengelak panggilanku sebagai raja dan imam kepada-Nya. Aku tunduk kepada Sang Raja dan bangkit melalui Roh Allah yang memberikan kepimpinan rohani di dalam keluarga, gereja dan hidupku.

► Hari ke 10 | 16 Ogos

IMAM DIRAJA

Hendaklah kamu datang kepada-Nya sebagai batu-batu yang hidup. Biarlah kamu digunakan untuk membina rumah Allah yang rohani. Dengan demikian kamu menjadi imam yang hidup khas untuk Allah dan yang mempersesembahkan korban rohani yang berkenan kepada Allah, melalui Yesus Kristus. **1 Petrus 2: 5**

Yesus adalah Raja dan Imam. Allah menginginkan umat-Nya untuk menjadi “Kerajaan Imam” bersama-Nya dan Dia sebagai Raja mereka. Seorang raja bertugas untuk memerintah tetapi tugas imam adalah menyembah dan melayani Tuhan. Ahli kaji bintang di dalam Matius 2: 1-2 bertandang untuk menyembah. Mereka bukan berasal daripada Yerusalem namun mereka memiliki hati kerajaan. Mereka adalah raja dalam hak mereka sendiri, namun memilih untuk tunduk dan menyembah Yesus Sang Raja. Mereka bertegas untuk melihat perubahan di dalam dunia, jauh melebihi skop bidang sendiri. Mereka datang menyembah seorang Raja yang jauh lebih besar daripada diri mereka. Mereka ternampak bintang tersebut lalu datang ke tempat persembahan.

Cadangan Doa:

- Berdoalah agar Tuhan akan mengubah anda untuk menjadi seorang penyembah yang benar di dalam roh dan bukan sekadar pemerhati luar (bintang) semata-mata.
- Bertaubatlah daripada hati yang berbelah bagi di dalam menyembah Tuhan Raja dan pelayanan atas dasar kesenangan.
- Mintalah kepada Tuhan agar dia akan membuka telinga rohani anda untuk mendengar keinginan-Nya terhadap anda sebagai pelayanan kepada-Nya.

Deklarasi: Aku mengisyitarkan Yesus bertakhta dan dimuliakan di atas segalanya. Biarlah lebih ramai yang menyerupai ahli kaji bintang akan melihat bintang tersebut serta sanggup untuk membayar harga di dalam menyembah Yesus. Bukalah syurga dan biarlah adanya sebuah perwahyuank akan nilai, kemuliaan dan kekudusan Tuhan Yesus di atas tanah ini.

► Hari ke 11 | 17 Ogos

GAYA HIDUP KERAJAAN ALLAH

Aku tidak dapat melakukan apa-apa menurut kehendak-Ku sendiri. Aku menghakimi orang menurut apa yang diperintahkan oleh Allah. Oleh itu keputusan-Ku adil, kerana Aku tidak mengikut kehendak-Ku sendiri, melainkan kehendak Dia yang mengutus Aku. **Yohanes 5: 30**

Yesus menunjukkan sebuah teladan gaya hidup di dalam Kerajaan Allah. Rancangan Bapa adalah keinginan-Nya dan Kerajaan Allah adalah keutamaan-Nya. Kedua, semua kata-kata Yesus datang daripada apa yang difirmankan Bapa-Nya. Semua tindakan Yesus, adalah selari dengan Bapa-Nya. "Aku dan Bapa-Ku adalah satu". Yesus, Firman Allah yang menjadi manusia. Dunia juga diciptakan sedemikian rupa; melalui Firman Allah. Yesus menunjukkan kepada kita hubung-kait di antara gaya hidup-Nya dan juga Bapa-Nya yang di Syurga. Walaupun Yesus adalah seorang manusia biasa, Dia tidak memiliki dosa. Yesus mengosongkan diri-Nya supaya Roh Kudus dapat memenuhi dan menguasai Dia dengan sepenuhnya. Manusia harus hidup berdasarkan setiap firman yang datang dari Tuhan. Yesus menjalani gaya hidup yang tertumpu kepada mendengar suara Bapa-Nya, untuk mengucapkan kata-kata berkuasa yang melepaskan hadirat Allah dan Kerajaan-Nya.

Cadangan Doa:

- Mintalah Tuhan untuk membersihkan hati dan menguduskan mulut anda agar dapat dipakai sebagai saluran benar untuk menyalurkan hadirat-Nya.
- Mintalah kepada Roh Kudus untuk menguatkan anda di dalam mengikuti Yesus dan gaya hidup-Nya yang bersekutu dengan Bapa setiap masa.
- Berdoalah kepada Tuhan untuk menunjukkan anda bagaimana untuk menyesuaikan keutamaan anda dengan-Nya.
- Mintalah agar Tuhan akan memberikan anda kata-kata berkat bagi mereka yang memerlukan, bagi bandar dan komuniti anda. Berdoa dan lepaskanlah kata-kata tersebut sambil mempercayai bahawa Allah akan melepaskan urapan-Nya ke atas situasi tersebut.

Deklarasi: Aku mengisyiharkan Kerajaan Allah ada di dalamku. Aku mengisyiharkan keamanan dan keimanan ke atas semua konflik dan ketakutan di dalam hidupku. Aku tidak akan kecut tetapi mara ke hadapan untuk mendengar firman Tuhan. Aku akan menetapkan hatiku untuk mengetahui apa yang sedang dilakukan-Nya, bukan untuk mencapai matlamat ku sendiri tetapi bagi merealisasikan rancangan-Nya. Aku akan bertegas untuk melakukan apa yang Dia mahu aku lakukan.

► Hari ke 12 | 18 Ogos

KUASA DI DALAM KERAJAAN ALLAH

Kemudian Dia memberkati mereka dan berfirman, “Hendaklah kamu mempunyai anak cucu yang banyak, supaya keturunan kamu menduduki seluruh muka bumi dan menguasainya. Hendaklah kamu menguasai semua ikan, burung, dan binatang liar.

Kejadian 1: 28

Di bawah kekuasaan agung Allah, manusia menguasai ciptaan yang lain. Tugas kita adalah untuk menjadi pengelola ke atas bumi, air, tanah, tumbuhan, binatang dan sumber semula jadi. Kita harus menggunakan kekuasaan ke atas alam semula jadi tetapi kita tidak seharusnya menyalahguna mahupun mengeksplotinya. Ini kerana alam sekitar adalah ciptaan Allah yang maha pengasih. Kita harus menghargai alam sekitar demi kebaikan manusia sejagat. Sewaktu Allah memberikan manusia kekuasaan ini, Dia juga turut memberikan kita tanggungjawab untuk menjaga bumi. Oleh yang demikian, mengelola alam sekitar adalah sebahagian daripada tanggungjawab kita sebagai orang Kristian.

Cadangan Doa:

- Ambil sedikit masa untuk bersyukur kepada Allah atas ciptaan-Nya yang mencerminkan keindahan Tuhan Pencipta.
- Berdoa agar Tuhan akan memberikan anda kebijaksanaan di dalam mengurus dan menggunakan sumber alam semula jadi untuk kebaikan semua.
- Berdoa dan mintalah kepada Tuhan untuk menunjukkan anda bahagian di dalam ciptaan-Nya yang belum anda kelolakan malahan anda mungkin telah leka dan menyalahguna kewibawaan yang telah dianugerahkan kepada anda. Bertaubatlah.
- Berdoa agar Tuhan akan memberikan anda minda yang diperbarui serta hati untuk melindungi, memelihara dan menghargai alam sekitar, menggunakan sumbernya dengan penuh hemah.

Deklarasi: Aku mengisyitarkan bahawa bumi dan segala isinya adalah milik Tuhan. Dunia dan segala isinya. Aku mengambil kembali apa yang sepatutnya menjadi milik Allah. Aku bertaubat daripada leka akan tanggungjawabku sebagai pengelola kepada alam sekitar yang telah Allah pertanggungjawabkan kepadaku. Aku menerima kuasa Allah untuk mencipta dan mereka jalan untuk menjaga serta memelihara alam sekitar untuk kebaikan semua.

► Hari ke 13 | 19 Ogos

TUMPUAN KEPADA KELUARGA

Keturunannya akan menjadi bangsa yang besar dan berkuasa, dan Aku akan memberkati semua bangsa di bumi kerana dia. Aku sudah memilih dia supaya memerintah anak-anak dan keturunannya untuk taat kepada-Ku dan melakukan hal yang benar dan adil. Jika mereka berbuat demikian, Aku akan memenuhi segala janji-Ku kepada Abraham. **Kejadian 18: 18-19**

Unit kekeluargaan adalah rancangan ulung Allah di dalam mengekalkan iman kepada-Nya serta untuk meninggikan Dia di seluruh bumi. Ia adalah ruang di mana iman kepada-Nya dibentuk.

Keluarga juga adalah ruang di mana para pemimpin gereja dihias (1 Timotius 3: 2-5).

Statistik kekeluargaan seluruh dunia seakan-akan menunjukkan Syaitan sedang menuju kemenangan di dalam memusnahkan Gereja Tuhan dengan menyerang keluarga. Gereja dan keluarga adalah dua intitusi yang telah Tuhan cipta untuk meluaskan Kerajaan-Nya. Berapa lama lagiakah gereja di Malaysia yang kini berhadapan dengan ancaman keruntuhan rumah tangga, mampu terus menjadi terang dan garam di dalam dunia dengan efektif?

Cadangan Doa:

- Doakan agar kepimpinan gereja akan celik serta menghargai keadaan para unit keluarga yang ada di dalam gereja.
- Doakan agar gereja akan memberikan keutamaan di dalam membina keluarga utuh di dalam gaya hidup korporat.
- Agar gereja akan melabur sebaiknya di dalam melengkapkan dan menyokong semua orang di rumah masing-masing.
- Agar kepimpinan dan ahli-ahli gereja akan memegang pandangan misi di dalam membentuk keluarga dengan kapasiti yang mampu memberikan impak kepada komuniti mereka sebagai terang dan garam gaya hidup orang Kristian.

► Hari ke 14 | 20 Ogos

GANDINGAN GEREJA DAN RUMAH

Ingatlah, hai Israel! TUHAN -- dan TUHAN satu-satunya -- ialah Allah kita. Kasihilah TUHAN, Allah kamu dengan segenap hati: Tunjukkanlah kasih itu dalam cara hidup dan perbuatan kamu. Jangan sekali-kali lupa akan hukum yang aku berikan kepada kamu hari ini. Ajarkanlah hukum itu kepada anak-anak kamu. Perakapkanlah hukum itu semasa kamu di rumah ataupun berpergian, semasa kamu berehat ataupun bekerja. Ikatkan hukum itu pada lengan kamu dan ikatkannya pada dahi kamu sebagai peringatan. Tuliskanlah hukum itu pada tiang pintu rumah dan pada pintu pagar kamu. **Ulangan 6: 4-9**

Dialah yang "memberikan kurnia kepada manusia". Beberapa orang dilantik-Nya menjadi rasul, yang lain menjadi nabi, yang lain lagi menjadi pembawa Berita Baik, dan yang lain pula menjadi guru dan pemelihara jemaah. Hal itu dilakukan-Nya supaya umat Allah dapat melakukan pelayanan yang sepatutnya dilakukan oleh pengikut Kristus, sehingga tubuh Kristus dikuatkan. **Efesus 4: 11-12.**

Kedua-dua Perjanjian Lama dan Baru dengan jelas mempertanggung-jawabkan ibu bapa tugas utama di dalam memimpin keluarga mereka.

Keluarga Kristian bukan sekadar dipanggil untuk menjalani hidup yang kudus (perkahwinan yang utuh, keibubapaan yang efektif, meneruskan iman percaya, penjagaan bagi warga tua, dll.), tetapi kita juga dipandgil untuk menjadi agen perubahan yang signifikan di dalam memberikan impak kepada komuniti masing-masing.

Namun unit keluarga tidak mampu melaksanakan semua ini sendirian, Allah tidak merancangkan bagi keluarga untuk berjalan sendirian. Walaupun setiap manusia dipanggil untuk memimpin keluarga mereka (Efesus 5: 23, 25-29 dan 6: 4), tidak ada seorangpun yang sempurna untuk melaksanakannya. Di sinilah tubuh Kristus memainkan peranannya. Allah telah memberikan gereja-Nya mandat untuk membantu keluarga-keluarga di dalam melaksanakan peranan yang Allah berikan kepada mereka.

Meskipun ada banyak organisasi yang menjurus kepada pelayanan kekeluargaan sejak beberapa tahun yang lepas, keluarga-keluarga Kristian di Malaysia secara umum masih berhadapan dengan krisis besar. Gereja harus menjadi lebih sistematik dan mengambil pandangan jangka masa panjang di dalam membentuk keluarga sihat di tengah-tengah mereka.

Cadangan Doa:

- Doakan agar ibu bapa menyedari bahawa Tuhan telah melantik mereka untuk bertanggungjawab memimpin keluarga masing-masing.
- Doakan agar gereja (kepimpinan dan para ahli) menyedari dan menerima tanggungjawab mereka di dalam menyokong para ketua keluarga di dalam usaha mereka.
- Agar mereka akan mengambil pendekatan jangka masa panjang yang sistematik di dalam membentuk keluarga yang akan memenuhi peranan yang telah Allah berikan.
- Doakan pratnership di antara gereja dan ketua keluarga di dalam membentuk generasi akan datang yang akan mengejar hati Allah dengan penuh kesungguhan.
- -Doakan agar gereja-gereja tempatan untuk berganding bahu di antara satu sama yang lain di dalam membekalkan sokongan bagi pelayanan kekeluargaan.

► Hari ke 15 | 21 Ogos

KRISIS KEPIMPINAN KELUARGA

Jika kamu tidak mahu mengabdi kepada-Nya, tentukanlah sekarang kepada siapa kamu hendak mengabdi, kepada tuhan-tuhan lain yang disembah oleh nenek moyang kamu di Mesopotamia, atau kepada tuhan-tuhan orang Amori di negeri yang kamu tinggal sekarang. Tetapi bagi aku dan keluargaku, kami hendak mengabdi kepada TUHAN. **Yosua 24: 15**

Kerana suami ialah ketua kepada isteri, sebagaimana Kristus ialah ketua kepada jemaah. Kristuslah Penyelamat jemaah, iaitu tubuh-Nya. **Efesus 5: 23**

Kepimpinan terdiri daripada arah tuju dan pengaruh. Keluarga tidak akan menjadi seperti apa yang diinginkan oleh Allah dengan semula jadi. Seseorang diperlukan untuk menerajui rancangan tersebut supaya ia menjadi kenyataan. Keutamaan utama di dalam panggilan Allah terhadap Yosua adalah kepimpinan kudus di dalam keluarga. Sebagai ketua keluarga, Yosua adalah jangka suhu yang akan menandakan suhu kerohanian di dalam keluarganya. Tanpa penekanan yang mencukupi dari gereja, keluarga Kristian cenderung untuk menggantikan pembentukan kerohanian di dalam rumah kepada persekutuan mingguan di gereja. Kepimpinan gereja sering beradu dengan ibu bapa mengenai pembentukan kerohanian anak-anak mereka. Ibu, sebagai pembantu, sepatutnya membantu kepimpinan di rumah bersama-sama suami. Tetapi, kebaaan kekal kritikal di dalam memberikan pengaruh dan teladan baik bagi kepimpinan kekeluargaan. Tanpa seorang ayah, kemampuan bagi keluarga Kristian adalah terancam. Terdapat ramai ibu-ibu yang terpaksa menjadi figura kepimpinan sulung di dalam keluarga mereka.

Cadangan Doa:

- Doakan agar tumpuan yang berpatutan diberikan ke atas pembentukan kepimpinan kekeluargaan di dalam gereja.
- Latihan efektif bagi melahirkan kepimpinan yang kudus di dalam keluarga.
- Doakan kebangkitan bagi kebaaan di dalam hati para bapa untuk mengambil tempat mereka di dalam keluarga.
- Doakan juga bagi pemahaman dan penerimaan berdasarkan matlamat Alkitab bagi keluarga Kristian serta arah yang harus ia tujui.

► Hari ke 16 | 22 Ogos

LEGASI IMAN

Aku akan menggunakan kata-kata hikmat, dan menjelaskan rahsia zaman dahulu, Aku akan menggunakan kata-kata hikmat, dan menjelaskan rahsia zaman dahulu, perkara yang telah kita dengar dan ketahui, yang telah diberitahu oleh nenek moyang kita. Kita tidak akan merahsiakannya daripada anak-anak kita, kita akan memberitahu keturunan yang akan datang tentang kuasa TUHAN dan tindakan-Nya yang hebat, serta perbuatan ajaib yang telah dilakukan-Nya. Dia memberikan hukum kepada umat-Nya, Israel, dan perintah kepada keturunan Yakub. Dia memberikan amanah kepada nenek moyang kita supaya mengajar kan hukum-Nya kepada anak-anak mereka, supaya keturunan selanjutnya dapat mempelajarinya, dan ke mudian memberitahunya kepada anak-anak mereka. Dengan demikian mereka juga akan berharap kepada Allah, dan tidak melupakan perbuatan-Nya, tetapi selalu taat kepada perintah-Nya. **Mazmur 78: 2-7**

Aku teringat akan imanmu yang sungguh-sungguh itu, seperti iman nenekmu Lois dan ibumu Eunike. Aku yakin bahawa engkau pun memiliki iman itu. **2 Timotius 1: 5**

Unit keluarga adalah kaedah utama yang Allah gunakan untuk meneruskan iman percaya daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Ia adalah ruang di mana hati kita dan anak-anak kita dibentuk untuk menyayangi serta mengikuti Dia. Oleh sebab inilah, Allah memberikan ibu bapa (begitu juga dengan datuk dan nenek) kuasa serta pengaruh yang kuat di dalam membentuk hati anak-anak mereka.

Peperangan rohani di dalam hati mereka adalah sangat tegang. Syaitan menggunakan budaya dan media yang banyak menyokong materialisme, konsumerisme dan kepuasan diri “aku dahulu” di dalam cubaan untuk memesangkan anak-anak kita daripada Allah. Oleh kerana persekitaran kita yang sungguh berseteru kepada kerohanian, ibu bapa harus mengambil langkah-langkah untuk membentuk anak-anak mereka dengan penuh niat, keinginan untuk mengenali Tuhan dan menyayangi-Nya sewaktu ketiadaan mereka di rumah.

Meskipun persekutuan gereja, pelayanan anak muda dan kanak-kanak mempunyai peranan untuk dimainkan, kita tidak seharusnya bergantung kepada mereka sepenuhnya untuk memenangi peperangan tersebut. Di sinilah tempatnya bagi gereja untuk memainkan peranan di dalam membantu ibu bapa di dalam melengkapkan mereka menyempurnakan tugas yang sungguh kritikal.

Cadangan Doa:

- Doakan ibu bapa Kristian untuk menjadi komited di dalam memberikan keutamaan kepada pembentukan kerohanian anak-anak mereka.
- Doakan kebijaksanaan dan keberanian ke atas ibu bapa untuk mempelajari apa yang diperlukan untuk meneruskan iman percaya secara efektif.
- Doakan agar pelayanan-pelayanan di gereja akan berganding bahu di dalam membentuk iman kanak-kanak.
- Doakan komitmen gereja untuk memberikan sokongan yang mencukupi, ini termasuklah latihan bagi ibu bapa di dalam usaha mereka.

► Hari ke 17 | 23 Ogos

KASIH KEKELUARGAAN: PERKAHWINAN

Yesus menjawab, "Belum pernahkah kamu baca ayat Alkitab yang mengatakan bahawa pada mulanya Allah menjadikan orang lelaki dan perempuan? Kemudian Allah berfirman, 'Itulah sebabnya seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu kedua-duanya menjadi satu. Dengan demikian mereka bukan lagi dua orang, tetapi satu. Oleh itu mereka yang telah disatukan oleh Allah, tidak boleh dipisahkan oleh manusia. **Matius 19:4-6**

Kadar peningkatan perceraian di Malaysia meningkat dengan sangat menggerunkan. Pada tahun 2010 sahaja, jumlah kes cerai yang direkodkan mencapai 33,000. Ini hanyalah masalah yang kelihatan. Namun, terdapat krisis rumah tangga yang jauh lebih besar yang kini sedang berlebar di lubuk keluarga kita. Ini termasuklah keluarga Kristian. Kadar keruntuhan rumah tangga kian meningkat. Keruntuhan rumah tangga mempengaruhi di dalam proses meneruskan iman percaya daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Tambahan lagi, ia memesongkan rancangan Allah di dalam "mencari anak-anak kudus" (Maleakhi 2: 15) untuk memanifestasikan Dia.

Terdapat banyak salah faham akan tanggungjawab dan peranan suami dan isteri, posisi mentua, kewangan keluarga dan lain-lain. Teologi perkahwinan yang benar kini sangat diperlukan di dalam gereja. Bukan itu sahaja, ada banyak cubaan untuk memincangkan rancangan asal Allah bagi perkahwinan di antara seorang lelaki dan wanita untuk seumur hidup.

Perkahwinan Kristian tidak mampu memberikan impak yang besar di dalam budaya kita sekiranya ia tidak diambil serius di dalam gereja. Gereja mempunyai peluang untuk membuat perubahan yang signifikan. Ini kerana ia adalah salah satu suara terpenting di kalangan masyarakat di dalam memberikan definisi dan memelihara perkahwinan di dalam konteks teologi. Gereja haruslah menekankan ajaran yang berasas dan teguh di dalam teologi perkahwinan melalui khutbah.

Pada masa yang sama, walaupun keperluan mendesak untuk menguatkan insitusi perkahwinan semakin menekan, gereja juga tidak seharusnya leka akan ibu/bapa tunggal serta pasangan yang sudah bercerai.

Cadangan Doa:

- Doakan agar perkahwinan Kristian disanjung, dirayakan, dilindungi dan diutamakan oleh gereja.
- Agar gereja mewartakan teologi perkahwinan yang alkitabiah serta menyantung visi untuk meningkatkan bilangan perkahwinan yang sihat di dalam gereja dan juga masyarakat.
- Agar gereja menemui dan menghargai kesihatan perkahwinan yang ada di dalamnya. Gereja juga harus dibentuk untuk membina keluarga bahagia sejak dari tahap pra-perkahwinan sehingga seterusnya.
- Agar pasangan yang sudah berkahwin akan komited untuk bertumbuh teguh di dalam perkahwinan mereka, sambil memikul tanggungjawab demi kebaikan rumah tangga masing-masing.
- Agar gereja akan melabur sumber yang secukupnya kepada pelayanan ibu/bapa tunggal dan pasangan yang sudah bercerai.

► Hari ke 18 | 24 Ogos

KASIH SAYANG DI DALAM RUMAH: KEIBUBAPAAN

Hai anak-anak, sebagai pengikut Kristus, kamu harus taat kepada ibu bapa, kerana hal itulah yang seharusnya kamu lakukan. "Hormatilah ibu bapamu" adalah perintah pertama daripada Allah yang disertai janji: "supaya kamu hidup bahagia dan berumur panjang di bumi." Hai bapa-bapa, janganlah perlakukan anak-anak kamu sedemikian rupa sehingga mereka menjadi marah. Sebaliknya, didiklah mereka dengan ajaran dan nasihat Tuhan. **Efesus 6: 1-4**

Ada yang jelas bahawa Allah memberikan ibu bapa Kristian tanggungjawab, kuasa, kasih sayang dan persekitaran untuk membentuk hati anak-anak mereka bagi-Nya. Ibu bapa bertanggungjawab terhadap Allah dan kesetiaan mereka di dalam melaksanakan peranan tersebut akan dihakimi. Disebabkan aliran masa kini yang mendorong ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka untuk dijaga oleh pihak lain, ramai ibu bapa Kristian yang cenderung untuk bergantung kepada gereja untuk membentuk anak-anak di pihak mereka. Selalunya kesan yang terjadi adalah tidak diingini. Ibu bapa Kristian tidak boleh sama sekali digantikan oleh pihak yang lain di dalam peranan membentuk kerohanian anak-anak mereka.

Ketidak-adaan orang tua ketika saat-saat genting keibubapaan ialah masalah masa kini yang sangat serius. Ramai kanak-kanak, terutamanya remaja merasakan diri mereka tidak diperdulikan. Perkara ini mempengaruhi kesihatan sosio-emosi dan pembetukan iman mereka.

Penekanan akan pentingnya nilai menghargai orang tua juga kian merundum. Semuanya disebabkan pengaruh individualisme dan tindakan memanja serta sikap terlalu melindungi sesetengah ibu bapa terhadap anak mereka. Tradisi bagi tanggungjawab anak-anak untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah berumur kian pudar. Buat kali pertama di dalam sejarah, gereja di Malaysia berdepan dengan isu-isu penjagaan warga tua.

Cadangan Doa:

- Doakan ibu bapa untuk memikul tanggungjawab di dalam menjadi mentor utama bagi pembentukan fizikal dan rohani anak-anak.
- Doakan agar ibu bapa juga turut bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Doakan mereka untuk menjadi lengkap di dalam memimpin pemuridan anak-anak.
- Doakan pembentukan sistematik yang lengkap bagi kanak-kanak. Doakan juga bantuan infrastruktur (tenaga manusia, program, dll.) untuk menyokongnya.
- Agar kanak-kanak akan menghargai orang tua dan menjaga sehingga ke hari tua mereka seumur hidup.

► Hari ke 19 | 25 Ogos

PERISAI KELUARGA

Pakailah seluruh perlengkapan senjata daripada Allah, supaya kamu dapat mempertahankan diri daripada muslihat Iblis yang jahat. Efesus 6: 11

Susunan yang terdapat di dalam Efesus 5:21-33 (berkaitan hubungan kekeluargaan) dengan 6:10-20 (berkaitan peperangan rohani) menunjukkan kita kepada cara untuk melihat kepada keluarga dan peperangan rohani yang mereka alami. Kekeluargaan bukan sekadar sebuah organisasi manusia, ia juga merupakan sebuah institusi ciptaan Allah untuk membesarakan kemuliaan-Nya. Inilah sebabnya mengapa keluarga sering menjadi sasaran utama. Serangan demikian bermula sejak kekeluargaan bermula (Kejadian 3) dan ia terus berlaku ke hari ini.

Kita tidak seharusnya menganggap krisis global kekeluargaan sebagai sekadar fenomena budaya masa kini. Kita harus berdepan dengannya melalui strategi kerohanian yang berpatut. Peperangan mengambil tempat di dalam minda, emosi dan lain-lain seperti godaan seksual. Kita harus bersedia dan komited untuk berperang dengannya, bersama-sama dengan gereja.

Keluarga Kristian terdedah dan tidak dilindungi di dalam konflik kosmik ini. Jarang sekali kita mendapati gereja yang mendoakan perkawinan, keibubapaan dan isu-isu keluarga yang lain. Tabiat berdoa di dalam keluarga Kristian juga kian menurun. Keluarga boleh menjadi satu angkatan tentera yang sangat kuat, melayani rancangan Tuhan, meluaskan Kerajaan-Nya sewaktu mereka mengambil masa untuk berdoa bersama-sama.

Cadangan Doa:

- Doakan agar gereja akan memberikan tumpuan di dalam mengangkat keluarga-keluarga Kristian di dalam doa serta mendorong syafaat sebagai satu gaya hidup.
- Doakan ketua keluarga untuk memainkan peranan mereka sebagai imam di dalam keluarga.
- Doakan agar keluarga-keluarga akan menyemai budaya berdoa melalui persekutuan keluarga dan lain-lain lagi.
- Agar gereja akan melabur untuk mendirikan budaya persekutuan keluarga.

► Hari ke 20 | 26 Ogos

KEBANGUNAN ROHANI

Kuatkanlah kami semula, lalu kami, umat-Mu akan memuji Engkau. Mazmur 85: 6

Sewaktu anda melihat kepada gereja, apakah tangisan hati anda hari ini? Saya percaya ramai yang akan menangisi tangisan yang serupa, “Tuhan, BANGKITKAN KAMI!”

“Tuhan ialah Allah!”, tetapi apa yang menyediakan adalah kita sudah lama telah menjauhi Dia hasil daripada gaya hidup kita. Gereja adalah harapan negara. Negara kita memerlukan gereja yang sudah diubahkan, ceria dan lengkap untuk meluaskan kerajaan Tuhan serta memaparkan kemuliaan-Nya sebelum Yesus kembali. Kuasa Tuhan untuk mengubah keluarga, komuniti, bandar dan kota tidak akan dapat kita lihat sebelum hati dan minta kita selaraskan dengan pemahaman Kerjaan Allah yang lebih mendalam sambil membuka hati dan hidup kita bagi membenarkan kuasa Roh Kudus untuk mengunjungi serta mengubah kita sepenuhnya. Penglibatan kita terhadap misi adalah sia-sia malah ia tidak akan membawa hasil tanpa pimpinan dan kuasa Roh Kudus. Marilah kita menyelaraskan doa kita serta mengakui betapa tandusnya kerohanian kita. Marilah kita meminta dengan sepenuh hati supaya Allah akan campur tangan dan mencurahkan Roh Kudus-Nya bagi Kebangunan Rohani!

Cadangan Doa:

- Doakan kuasa Kerajaan Allah untuk turun ke atas gereja-Nya untuk mengubah kita sepenuhnya.
- Doakan pembebasan daripada helah, khayalan, sikap tidak peduli, kompromi, keagamaan yang dibuat-buat, kebebasan tanpa batasan, ketidak-sucian, ketidakacuhan dan apati. Doakan agar hadirat-Nya akan merevolusikan gaya hidup kita dengan luar biasa.
- Doakan agar pertaubatan yang tulus akan terjadi kepada gereja Tuhan; rindu akan hadirat dan lapar akan Firman-Nya.
- Doakan agar keintiman, cinta pertama dan perasaan takut kepada Tuhan dipulihkan semula.

► Hari ke 21 | 27 Ogos

PEMIMPIN-PEMIMPIN ROHANI

Supaya kamu menjaga jemaah yang diberikan oleh Allah kepada kamu, seperti gembala menjaga kawanan domba. Jagalah jemaah dengan senang hati sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah. Janganlah lakukan tugas itu dengan berat hati. Jangan lakukan pekerjaan kamu hanya untuk mendapat upah, tetapi lakukannya kerana kamu sungguh-sungguh ingin melakukannya. Janganlah bertindak sebagai penguasa terhadap orang yang dipercayakan kepada kamu, tetapi jadilah teladan kepada mereka. Apabila Gembala Agung itu datang kelak, kamu akan menerima mahkota yang mulia dan kekal.

1 Petrus 5: 2-5

Gereja kini berhadapan dengan krisis kepimpinan di seluruh dunia. Meskipun gereja telah bertambah dengan mendadak, keadaannya masih lemah dan ceteek. Salah satu faktor yang mendorong kepada perkara tersebut ialah kurangnya pemimpin yang dimuridkan. Kita telah memalingkan tumpuan kita daripada membentuk hidup kepada kepimpinan yang berdasarkan pengetahuan, kebolehan dan teknik. Perwatakan yang kudus dan tanggungjawab dilupakan. Hasilnya, ramai pemimpin hari ini mengetuai gereja mengikuti corak dunia, mencari signifikan kendiri di dalam pelayanan, status dan posisi. Oleh itu, gereja menderita.

Menurut Al-Kitab, panggilan utama kita adalah untuk menjadi hamba dan bukannya pemimpin. Sekiranya gereja ingin berdiri di barisan hadapan, kita harus kembali kepada asas-asas Al-Kitab untuk menambahkan usaha di dalam pemuridan. Ia harus dilaksanakan dengan pengajaran, membentuk dan membimbing umat Allah supaya mereka yang dipanggil oleh Allah tampil layak menurut kriteria kematangan dan hati hamba Al-Kitab. Tumpuan dan tindakan kita hari ini akan menentukan kualiti para pemimpin generasi yang akan datang.

Cadangan Doa:

- Doakan kesejahteraan para pemimpin dan juga keluarga mereka.
- Doakan penghapusan bagi struktur dan birokrasi tidak Alkitabiah yang ada di dalam hati dan minda para pemimpin kita.
- Doakan agar para pemimpin akan berpaling daripada mengikuti jalan dunia dan prinsip yang bertentangan dengan Al-Kitab di dalam menerajui gereja Tuhan.
- Doakan bagi kebangkitan generasi pemimpin-hamba yang memiliki hidup dan hati tertumpu kepada Kristus.
- Doakan sekolah-sekolah Al-Kitab dan program latihan kepimpinan agar tidak terkongkong di dalam menyalurkan ilmu pengetahuan dan penilaian akademik, mereka juga harus memberikan perhatian terhadap pembentukan hidup dan perwatakan.

► Hari ke 22 | 28 Ogos

SET MINDA YANG MENYELURUH

Saudara-saudaraku! Kerana Allah sangat baik kepada kita, aku menggesa kamu supaya mempersemparkan diri sebagai suatu korban yang hidup, yang khas untuk Allah, dan yang menyenangkan hati-Nya. Demikianlah seharusnya kamu beribadat kepada Allah. **Roma 12: 1**

Alkitab ialah asas yang membentuk kepercayaan dan kelakuan kita. Berfikir secara “Kristian” adalah amat penting bagi hidup kita. Namun demikian, teologi terpesong yang mengajar pembahagian di antara kudus-sekular telah menular di dalam pemikiran gereja sekaligus mempengaruhi tingkah-laku kita. Perkara ini adalah satu batu sandungan yang besar dan ia telah melemahkan keberkesanannya gereja di dalam memberikan impak kepada pengaruh kemuliaan Tuhan. Corak fikiran dualistik mengajar kita aktiviti kerohanian dan keagamaan adalah milik Allah manakala aktiviti lain dikira sebagai “sekular.” Corak fikiran dikotomi ini menyebabkan mereka yang bekerja memiliki nilai kerohanian yang rendah, perkara ini adalah bertentangan dengan ajaran Alkitab.

Gereja harus mengubah persepsi serta memegang visi untuk melengkapkan generasi ini dan yang akan datang untuk menganggap pekerjaan mereka sebagai perkara yang signifikan. Mereka harus dilatih untuk berfungsi secara menyeluruh dengan corak fikiran yang alkitabiah dan menjadi garam dan terang Allah.

Cadangan Doa:

- Doakan agar kebenaran Alkitab akan dipulihkan di dalam tubuh Kristus; supaya umat Kristian dapat melihat dan berfungsi dengan minda yang menyeluruh sambil meninggalkan sebarang corak fikiran yang bersifatkan dualistik.
- Doakan supaya gereja akan menambahkan usaha di dalam melatih umat Allah dengan pemuridan yang merangkumi keseluruhan hidup; untuk bekerja, berfikir dan berkata-kata berdasarkan kebenaran Alkitab serta menjadi relevan semasa menangani isu-isu semasa dan juga sosial.
- Doakan agar Kerajaan Allah dapat dilihat melalui hidup dan kesaksian umat Kristian.

► Hari ke 23 | 29 Ogos

MEMURIDKAN NEGARA

Pergilah kepada semua bangsa di seluruh dunia dan jadikanlah mereka pengikut-Ku. Baptislah mereka dengan menyebut nama Bapa, Anak, dan Roh Allah. Ajarlah mereka mentaati segala yang sudah Aku perintahkan. Ingatlah, Aku akan sentiasa menyertai kamu sehingga akhir zaman.” Matius 28: 18-20

Dalam petikan di atas, Kristus memberikan amanat kepada gereja-Nya untuk “jadikanlah mereka pengikut-Ku... Ajarlah mereka mentaati segala yang sudah Aku perintahkan” Malang sekali, kita telah mengurangkan amanat tersebut dengan mencipta “converts” dan bukannya “murid”. Kita rancak berkuthbah mengenai Injil keselamatan dan melupakan Injil Kerajaan Allah. Hasilnya, bilangan gereja yang bertambah dari segi peningkatan ahli kian meningkat, namun mereka kekal lemah dan tidak bermaya. Mereka tidak mampu memberikan impak mahupun membentuk negara.

Gereja memiliki tanggungjawab besar di dalam memuridkan bangsa-bangsa melalui agen pengubah Allah. Kita adalah kerajaan imam dan rajani yang dipanggil untuk memerintah, menaungi dan menjajah kerajaan zaman ini di bawah Kerajaan Allah. Realitinya, kita masih jauh daripada berbuat demikian. Kita harus mematuhi perintah-Nya dan kembali kepada mandat asal-Nya: untuk mengajar dan melengkapi satu sama lain dengan kebenaran Alkitab dan menjalani hidup tersebut di seluruh pelusuk masyarakat. Sekiranya gereja-gereja tidak memuridkan umat Allah, budaya zaman ini yang akan membentuk mereka! Kita harus membetulkan keadaan ini!

Cadangan Doa:

- Akuilah di mana kita telah kecundang, mengasihai Firman Tuhan tetapi tidak mengikuti hidup yang diajarkan-Nya; kita lebih gemar memilih kesenangan daripada ketaatan dan pengorbanan yang di tuntut oleh Tuhan!
- Doakan ketibaan Kerajaan-Nya dan pemulihan bagi semua yang telah musnah. Doakan juga agar para penginjil, pastor dan kepimpinan gereja akan mengajar Injil Kerajaan Allah dan harga pemuridan, bukan hanya mengutbahkan keselamatan semata-mata.
- Doakan agar Kerajaan Allah akan tiba, untuk membetulkan dan mendirikan kerajaan imam yang dimaksudkan oleh kebenaran Alkitab, untuk melibatkan diri dan menjadi relevan kepada semua sfera masyarakat.
- Doakan bagi generasi pengubah untuk tampil membetulkan seluruh pelusuk masyarakat demi kemuliaan Tuhan.
- Doakan pembentukan pemuridan yang kuar di setiap gereja tempatan.

► Hari ke 24 | 30 Ogos

MELUASKAN KERAJAAN-NYA

Oleh itu penting bagi kamu untuk hidup sesuai dengan apa yang dituntut oleh Berita Baik tentang Kristus. Dengan demikian sama ada aku dapat berjumpa dengan kamu atau tidak, aku akan mendapat berita bahawa kamu berdiri teguh dan berjuang dengan satu tujuan dan satu keinginan, untuk iman yang berdasarkan Berita Baik itu.

Filipi 1: 27

Sabah dan Sarawak memiliki hampir 60% daripada populasi Kristian di Malaysia. Peurunan bagi populasi Kristian di Sabah sejak dua dekad yang lepas telah mengegarkan gereja untuk mempertimbangkan dan merumuskan semula strategi serta melihat ke dalam untuk membantu menyalurkan sumber dan tenaga manusia di Malaysia Timur.

Kita mungkin harus melihat daripada sudut pandangan Allah untuk melihat apa yang sedang dilakukan-Nya. Apakah panggilan gereja, memandangkan Malaysia Timur adalah majoriti kepada bilangan Kristian di negara ini? Mungkinkah mereka telah datang bersama dengan Semenanjung untuk memberkati seluruh negara ini? Tumpuan dan tindakan kita hari ini akan menentukan demografi yang akan datang! Marilah kita meluaskan Kerajaan Allah dengan menguatkan satu dengan yang lain bagi memenuhi panggilan kita di dalam menentuh dan memberkati negara ini.

Cadangan Doa:

- Doakan gereja untuk bangkit kerana ia bukanlah ekor tetapi kepala bagi negara kita.
- Doakan agar gereja mampu memilih strategi untuk memberikan impak kepada komuniti serta mengambil setiap peluang untuk menjadi berkat dan menjadi saksi Allah.
- Doakan kebangkitan gereja di Sabah dan Sarawak untuk mengambil tempat dan panggil mereka di negara ini.
- Doakan bagi gandingan dan hubungan strategik yang lebih baik di kalangan gereja untuk menyalurkan sumber bagi membantu, menguatkan dan melengkapkan umat Kristian di Malaysia Timur.

► Hari ke 25 | 31 Ogos

MERDEKA!

Pada 31 Ogos 1957, negara kita melaungkan “Merdeka! Merdeka! Merdeka!” Detik bersejarah ini menandakan satu era baru kebebasan daripada jajahan kuasa asing. Namun di alam yang tidak kelihatan, negara kita masih terikat di bawah kuasa musuh. Pembohongan menuju ke dalam masyarakat, kebiasaan, budaya, institusi, struktur sosial dan undang-undang. Hanya kebenaran Tuhan yang mampu membawa pembebasan, dan pemulihan kepada negara kita.

Marilah bangkit dan menandakan satu era baru; era Kerajaan Allah di dalam hati kita, memerintahkan kebenaran Tuhan untuk memusnahkan semua struktur dan pekerjaan syaitan yang bertentangan dengan pengetahuan akan Tuhan dan rancangan-Nya bagi hidup, keluarga, gereja dan negara kita! Marilah kita memperbaharui serta berikrar akan taat setia terhadap komitmen kita kepada Tuhan.

Deklarasi:

Kami mengisyiharkan kemaraan Kerajaan dan pemerintahan-Mu, tidak ada pengakhirannya bagi negara ini dan juga seluruh bumi. Hari ini, kami, gereja-Mu, mengarahkan diri kami dengan rancangan Kerajaan-Mu. Semoga Kerajaan-Mu akan datang ke atas Gereja-Mu di tanah ini. Hapuskan semua pekerjaan musuh yang menentang Gereja-Mu supaya ia dapat memberikan kemuliaan dan kebesaran kepada Nama-Mu. Semarakkan semangat-Mu di dalam Gereja-Mu untuk melaksanakan rancangan keselamatan-Mu terhadap kami sebagai sebuah negara pelangi yang akan menjadi berkat bagi semua orang! Semoga semua orang akan memuji Engkau!

Kami mengisyiharkan, “Datanglah Kerajaan-Mu “ di dalam setiap bidang masyarakat: politik, ekonomi, sosial, agama, judicial, ketenteraan, pendidikan, media dan seni. Lantiklah orang-orang benar untuk menyandang jawatan di setiap jawatan tertinggi bagi melayani rancangan-Mu dan menyelaraskan negara kami kepada rancangan syurga-wi-Mu. Kami berterima-kasih kepada-Mu bagi mereka yang sudah Engkau tempatkan untuk menaungi negara ini. Semoga mereka akan takut akan nama-Mu untuk bertindak di dalam keadilan, belas kasihan dan berjalan dengan kerendahan diri di hadapan-Mu.

Terima kasih atas pemberian dan berkat-Mu yang melimpah ke atas negara kami. Kami mempercayakan ekonomi kami ke tangan Engkau. Pimpinlah kami kepada jalan yang benar untuk nama-Mu. Berkatilah gereja-Mu dengan sumber-sumber untuk melakukan rancangan-Mu dan melaksanakan peranan yang Engkau berikan! Bantulah kami untuk megendalikan sumber-sumber yang Engkau berikan dengan baik. Bebaskanlah kami daripada ketamakan dan perasaan takut akan kekurangan.

Bebaskan kami daripada roh pemberontakan dan keinginan untuk berdikari daripada-Mu. Tanpa Engkau, kami tidak mampu berbuat apa-apa. Ampunkan kami atas dosa pemberontakan, gah diri, kepalsuan, berhala, kepincangan moral, perjudis, penyelewengan dan ketidak-adilan. Ampunkan kami, gereja-Mu, kerana gagal menjadi terang dan garam-Mu. Bukalah pintu syurga dan curahkanlah ombak pertaubatan dan pemulihan. Tuhan, Kerajaan Allah adalah milik-Mu. Semoga kuasa-Mu akan membebaskan gereja-Mu dan meluruskannya untuk kemuliaan dan rancangan-Mu! Kerajaan-Mu datanglah, kehendak-Mu jadilah melalui gereja bagi kemuliaan dan keagungan Anak-Mu, Yesus Kristus!

► Hari ke 26 | 1 September

GEREJA ANTIOKHIA

Di kalangan jemaah di Antiochia terdapat beberapa orang nabi dan guru: Barnabas, Simeon yang digelar Si Hitam, Lukius dari Kirene, Menahem yang dibesarkan bersama-sama Gabenor Herodes, dan Saulus. Sementara mereka beribadat kepada Tuhan dan berpuasa, Roh Allah berkata kepada mereka, "Pilihlah Barnabas dan Saulus khas untuk-Ku, supaya mereka menjalankan tugas yang sudah Aku tetapkan bagi mereka. " Setelah berpuasa dan berdoa, mereka meletakkan tangan ke atas kepala Barnabas dan Saulus, lalu mengutus mereka berdua. Kisah Para Rasul 13: 1-3

Gereja Antiochia di dalam buku Kisah Para Rasul menerajui gerakan misi kepada orang bukan Yahudi. di kurun yang pertama, ia kemudian mengubah seluruh pelusuk Asia. Terdapat lebih kurang 90% umat Allah di gereja waktu itu yang bekerja di luar. Kebanyakkan daripada mereka adalah "pembuat khemah" yang bekerja untuk menampung diri sendiri. Kerajaan Allah bekerja dengan aktif dan rancangan-Nya terlaksana di setiap alam yang akhirnya mengubah dan merevolusikan semua budaya dan bangsa.

Apakah perbezaan gereja zaman ini dan ketika di Antiochia dahulu? Ia adalah realiti akan kuasa Roh Kudus yang bekerja di dalam hidup orang-orang biasa di tempat kerja mereka! Perbezaan terbesar adalah mereka menganggap diri sebagai 100% penginjil yang dipanggil oleh Allah untuk menjadi garam dan terang di dalam semua alam, memantulkan cahaya Allah dari dalam. Para pemimpin gereja dan juga penginjil tidak seharusnya dianggap lebih rohani daripada mereka yang berada di tempat kerja awam. Ini kerana, Allah tidak mencipta perbezaan sedemikian. Kita semua adalah ciptaan rohani yang dipanggil untuk menjalani gaya hidup Kerajaan Allah dan nilai-nilai radikal-Nya. Marilah kita mengembalikan realiti Kerajaan Allah yang ada di dalam kita, supaya rancangan-Nya dapat dilaksanakan melalui insan biasa seperti anda; untuk meluaskan Kerajaan-Nya, memenuhi serta menundukannya untuk Kemuliaan Allah. Di dalam dan juga di luar negara kita!

Cadangan Doa:

- Doakan agar gereja-gereja tempatan akan menjadi seperti gereja di Antioch di setiap bandar, kota, dan kampung di dalam negara kita.
- Doakan agar Tuhan akan menghancurkan kubu-kubu rohani serta memperbaharui umat-Nya sepenuhnya untuk meluaskan Kerajaan-Nya kepada sanak-saudara, rakan sekerja, jiran-jiran dan rakan-rakan kita.
- Doakan gereja-gereja kecil di kawasan pedalaman, terutamanya di kawasan Pantai Timur, supaya mereka dikuatkan dengan harapan, iman dan ketahanan untuk terus mara di dalam pelayanan.
- Doakan agar gereja memberikan keutamaan kepada doa, sumber kewangan dan tenaga manusia bagi penginjilan tempatan dan juga global.

► Hari ke 27 | 2 September

TUJUAN BAGI KOMUNITI

*Dia memberikan keluarga kepada yang tidak ada saudara-mara. **Mazmur 68: 6a***

Manusia tidak dapat hidup keseorangan. Setiap orang memiliki sebuah komuniti. Kadang-kadang kita juga boleh menjadi ahli lebih daripada satu komuniti. Selalunya, kepercayaan, perwatakan dan tingkah-laku seseorang dipengaruhi oleh komunitinya. Komuniti seseorang mungkin adalah kejiranian, kampung, bandar, sekolah, kolej, kampus, tempat kerja mahupun lingkungan sosial. Allah menciptakan kita untuk hidup, membesar serta mencari tempat kita di dalam dan melalui komuniti. Komuniti adalah sangat penting. Ini kerana ia membekalkan kita dengan interaksi, peluang, perlindungan, sokongan, bantuan, identiti dan tumbesaran bagi individu, keluarga dan masyarakat.

Cadangan Doa:

- Bersyukurlah kepada Tuhan atas komuniti yang diberikan-Nya kepada kita.
- Doakan agar Kerajaan Allah dapat dirasai di dalam komuniti kita, cth. Keamanan, kegembiraan, kawalan perlindungan, kebaikan, keselamatan dan berkat.
- Doakan agar individu, keluarga dan masyarakat akan diberkati dan dikuatkan melalui komuniti.
- Doakan agar orang Kristian akan melibatkan diri dan menyumbang kepada kesajahteraan komuniti-komuniti mereka.

► Hari ke 28 | 3 September

KERAJAAN ALLAH DAN KOMUNITI

Dengan tekun mereka menerima ajaran daripada rasul-rasul. Mereka hidup bersaudara, makan bersama-sama, dan berdoa bersama-sama. Banyak mukjizat dan keajaiban yang dilakukan oleh rasul-rasul itu, sehingga semua orang kagum dan takut. Semua pengikut Kristus berkumpul dengan penuh keakraban, dan mereka berkongsi milik. Mereka menjual harta milik dan membahagi-bahagikan wang itu di kalangan mereka menurut keperluan masing-masing. **Kisah Para Rasul 2: 41-45**

Satu bukti kukuh bagi Kerajaan Allah adalah golongan orang percaya yang tinggal sebagai sebuah komuniti. Sewaktu Roh Kudus dicurahkan pada hari Pentakosta, gereja mula hidup sebagai sebuah komuniti yang benar. Apa yang dimanifestasikan oleh Allah pada permulaan gereja adalah perkara yang sama diingini-Nya untuk terjadi hari ini. Hadirat Allah akan menghasilkan kehidupan komuniti yang benar.

Cadangan Doa:

- Doakan agar gereja akan menemui semula komuniti benar yang datang bersama Kerajaan Allah.
- Doakan agar gereja akan menunjukan teladan sebenar sebuah komuniti yang harus diikuti oleh masyarakat.
- Doakan agar Kerajaan Allah didirikan di dalam gereja dan juga di komuniti tempatan.
- Doakan agar komuniti-komuniti tempatan akan dibina semula dan dipulihkan melalui pengaruh Kerajaan Allah.

► Hari ke 29 | 4 September

ANCAMAN TERHADAP KOMUNITI

*Pada masa itu banyak antara pengikut-Ku yang tidak lagi percaya kepada-Ku. Mereka akan saling mengkhianati dan saling membenci. **Matius 24: 10***

Komuniti hari ini menghadapi ancaman yang besar. Perkara ini sememangnya benar di kawasan bandar. Pemodenan dan konsumerisma ekstrim telah menghakis komuniti kita dengan individualisme, kepuasan diri. Ia juga turut menyumbang kepada jurang di antara yang kaya dan miskin, membawa kepada pemisahan, penyelewengan, jenayah dan penyakit sosial. Komuniti juga turut dihakis apabila pilih kasih dipraktikkan di dalam masyarakat. Ia melahirkan rasa tidak puas hati, ketidak-percayaan dan permusuhan. Diskriminasi keagamaan juga menghancurkan komuniti dengan mencipta ketegangan dan perpecah-belahan di dalam masyarakat. Di kawasan pedalaman pula, komuniti berhadapan dengan ancaman dadah, pencabulan, terutamanya di kalangan orang muda. Sikap tamak dan perancangan pembangunan yang tidak mantap turut menjadikan komuniti terusir dan terpincang, mempengaruhi gaya hidup tanpa persetujuan mahupun memberikan pampasan kepada mereka.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Tuhan akan intervene untuk mengalahkan anasir-anasir yang mengancam komuniti kita.
- Doakan agar komuniti akan mempraktikkan serta mendorong rasa hormat, kebijakan dan perpaduan di kalangan sesama sendiri.
- Doakan agar umat Kristian akan menunjukkan rasa hormat, keprihatinan dan kasih sayang kepada mereka yang memiliki status ekonomi, etnik dan agama berlainan.
- Doakan agar keharmonian dan keamanan akan dikekalkan dan dikuatkan di dalam komuniti.

► Hari ke 30 | 5 September

GEREJA DAN KOMUNITI

Apabila Dia melihat orang ramai itu, Dia mengasihani mereka kerana mereka risau dan tidak berdaya, seperti kawanan domba tanpa gembala. Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Tuaihan sungguh banyak, tetapi penuai hanya sedikit. Berdoalah kepada pemilik tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk mengumpulkan tuaian."

Matius 9: 36-38

Bagaimakah Yesus melayani komuniti-Nya? Dia menjadi gembala mereka. Mereka tersesat dan berkeliaran kemudian Yesus mengambil inisiatif untuk memenuhi keperluan tersebut. Ketika Dia menjangkau mereka dengan menjaga dan penuh keprihatinan, mereka membuka diri dan menerima-Nya. Komuniti kita hari ini juga tidak jauh bezanya. Mereka masih tesesat dan berkeliaran, mencari gembala mereka. Apakah peranan yang kita harus mainkan menurut Allah? Dia mahukan kita, gereja, tubuh-Nya di bumi untuk menggembalakan mereka. Ini bermaksud domba jagaan kita bukan sekadar ahli gereja. Malahan, domba jagaan kita kini merangkumi keseluruhan komuniti. Bagaimakah kita harus menggembalakan komuniti kita? Kita harus memandang keseluruhan komuniti sebagai gereja kita. Kita harus memiliki mereka di dalam hati kita. Kesejahteraan dan keperluan mereka menjadi tanggungjawab kita. Kita harus pergi di mana mereka berada. Penjagaan pastoral harus dipanjangkan kepada mereka. Masalah yang mereka miliki mungkin kelihatan terlalu membebankan, namun kuasa dan kasih kurnia Allah adalah mencukupi.

Cadangan Doa:

- Doakan agar gereja memahami peranannya di dalam komuniti.
- Doakan agar gereja akan memandang seluruh komuniti sebagai domba jagaannya.
- Doakan agar gereja mula memanjangkan penjagaan pastoral kepada seluruh komuniti mereka.
- Doakan agar Tuhan akan menguatkan gereja dengan kuasa dan kasih kurnia-Nya untuk memenuhi keperluan komuniti mereka.

► Hari ke 31 | 6 September

KESATUAN DI ANTARA GEREJA

*Aku berdoa bukan untuk mereka sahaja, tetapi juga untuk semua orang yang percaya kepada-Ku melalui perkhabaran mereka. Ya Bapa, Aku berdoa supaya mereka semua menjadi satu, sebagaimana Engkau bersatu dengan-Ku, dan Aku dengan-Mu. Semoga mereka menjadi satu dengan Kita supaya dunia percaya bahawa Engkau mengutus Aku. **Yohanes 17: 20-21***

Bagaimanakah Kerajaan Allah mampu memberikan impak kepada seluruh pelusuk komuniti? Pastor, para pemimpin dan gereja-gereja harus bersatu. Apabila pastor, para pemimpin dan gereja-gereja bersatu, Allah akan mencurahkan berkat-Nya ke atas mereka sehingga impak kepada komuniti terjadi. Ketika pastor, para pemimpin dan gereja-gereja bersatu, mereka akan memiliki kewibawaan rohani untuk menjatuhkan kuasa kegelapan. Gereja akan memiliki sumber yang diperlukan bagi perubahan untuk mengambil tempat. Gereja kemudian mampu menunjukkan teladan untuk diikuti oleh masyarakat. Apabila pastor, para pemimpin dan gereja-gereja bersatu, keyakinan komuniti terhadap gereja akan dipulihkan.

Bagaimanakah kesatuan ini dapat dicapai? Pertama sekali, pastor dan para pemimpin gereja harus mempertimbangkan untuk mencipta persekutuan pastor-pastor dengan tujuan berkumpul bersama untuk berdoa dan bersekutu. Kedua, gereja-gereja harus mempertimbangkan untuk berjumpa bersama untuk persekutuan doa bagi menyemai kesatuan dan berdoa bagi komuniti mereka. Para pemimpin dan gereja-gereja harus berdoa dan bersetuju untuk bekerja-sama di dalam memberkati komuniti.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Allah akan menyatukan umat dan gereja-Nya di setiap komuniti.
- Doakan agar Allah akan menguatkan dan memimpin persekutuan dan doa perjumpaan doa gabungan pastor-pastor yang sedia ada.
- Doakan agar Allah akan memberikan persekutuan pastor rancangan strategik untuk bekerja-sama di dalam memberikan impak kepada komuniti.
- Doakan agar melalui kesatuan doa dan usaha pastor, para pemimpin dan gereja-gereja, komuniti tempatan dapat menerima impak kuasa Kerajaan Allah yang mampu membawa pengubahan.

► Hari ke 32: | 7 September

TURUN PADANG UNTUK BERDOA

*Hal itu demikian kerana apabila dua atau tiga orang berkumpul kerana Aku, Aku pun di situ bersama-sama mereka. **Matius 18: 20***

*Aku telah memberitahu Musa bahawa seluruh tanah yang kamu jejak telah Aku berikan kepadamu dan kepada semua umat-Ku. **Yosua 1: 3***

Apakah yang boleh dilakukan oleh gereja dan umat Kristian melalui doa untuk memberikan impak kepada komuniti? Melainkan berdoa bersama-sama di gereja, mereka juga boleh turun padang untuk berdoa. Terdapat dua jenis aktiviti doa turun padang yang mampu memberikan impak kepada komuniti secara efektif. Pertama, sel doa. Sel doa adalah satu kumpulan kecil yang berkumpul di satu tempat khas di kawasan umum seperti sekolah, pejabat, dan kejiranan untuk berdoa. Melalui sel doa, kita membawa hadirat dan pemerintahan Allah kepada sfera pengaruh di dalam komuniti kita bagi perubahan.

Yang kedua ialah doa sambil berjalan. Idea ini berasal daripada buku Yosua. Yosua dijanjikan bawa sewaktu dia menjakkan kaki di atas tanah tersebut, ia akan menjadi milik Israel. Ketika kita mengaplikasikan doa sambil berjalan di dalam komuniti, kita membawa Kerajaan Allah untuk memerintah di dalam kejiranan kita. Kegelapan yang memenuhi lorong-lorong dan komuniti kita dapat dikalahkan dan dihalau keluar serta digantikan dengan keamanan dan cahaya daripada Allah.

Cadangan Doa:

- Doakan agar umat Kristian akan berdoa di kawasan umum di komuniti mereka.
- Doakan agar lebih banyak kumpulan sel doa akan diadakan di dalam sekolah, kampus dan pejabat-pejabat kita.
- Doakan agar aktiviti doa sambil berjalan berkala akan dilakukan oleh gereja di kawasan kejiranan kita.
- Doakan agar pemerintahan dan hadirat Kerajaan Allah dapat dirasai ketika gereja-gereja dan umat Kristian berdoa bagi komuniti mereka.

► Hari ke 33 | 8 September

MENJALINKAN HUBUNGAN

Saudara Teofilus yang terhormat. Di dalam kitab saya yang pertama, saya telah merangkakan segala perkara yang dilakukan dan diajarkan oleh Yesus, sejak Dia memulakan pekerjaan-Nya **Kisah Para Rasul 1: 1**

Untuk mengalami berkat Kerajaan Allah dengan sepenuhnya, sebuah komuniti harus percaya dan menerima injil Allah. Namun, sebelum sesebuah komuniti mampu mempertimbangkan pesanan tersebut, ia harus menerima si pembawa pesanan. Adakah gereja dan umat Kristian diterima oleh komuniti mereka? Kuncinya adalah menjalinkan hubungan. Gereja dan umat Kristian harus membina jambatan yang menghubungkan mereka kepada komuniti sebelum suara mereka berhak didengari.

Berikut adalah tiga langkah yang dapat membantu gereja dan umat Kristian untuk berhubung dengan komuniti mereka:

1. Ziarah berkala ke rumah dan tempat kerja jiran tetangga.
2. Mengambil bahagian ataupun menganjurkan aktiviti kejiranan.
3. Memberkati dan menyumbang kepada kebaikan komuniti mereka.

Ketika gereja dan umat Kristian mengaplikasikan langkah-langkah tersebut dengan hati yang ikhlas secara berkala, komuniti akan menjadi terbuka, lantas membuka peluang bagi Injil Kerajaan Allah untuk dikongsikan.

Cadangan Doa:

- Doakan agar gereja akan melihat kepentingan menjalinkan hubungan dengan komuniti mereka.
- Doakan agar gereja-gereja akan menjalinkan hubungan melalui langkah-langkah yang dicadangkan.
- Doakan agar jurang di antara gereja dan komuniti akan dikurangkan.
- Doakan agar gereja akan diterima oleh komuniti mereka.

► Hari ke 34 | 9 September

SEJARAH DAN VISI BAPA PENGASAS KITA

*Daripada seorang manusia, Dia menjadikan semua bangsa dan menyuruh mereka mendiami seluruh bumi. Sejak permulaan Dia juga menetapkan masa dan tempat mereka boleh hidup. **Kisah Para Rasul 17: 26***

Allah telah menandakan detik di dalam sejarah bagi setiap negara. Dia telah menandakan setiap batasan, garis pemisah, semuanya kerana satu sebab.

Pembentukan Malaysia adalah hasil daripada Perjanjian Malaysia di antara Malaya, Sabah, Sarawak, Singapura dan Kerajaan Kolonial British dengan kesepakatan oleh Kerajaan (Sabah dan Sarawak) bahawa keselamatan mereka akan disanjung dan dilindungi.

Kepentingan kedua-dua negeri tersebut direkodkan di dalam Suruhanjaya Reid dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan. Dokumen-dokumen bersejarah ini menjelaskan hati, minda dan nilai-nilai bapa pengasas dan juga asas yang membentuk negara kita. Sebarang cubaan untuk memesangkan perjanjian tersebut adalah tindakan serius yang meremehkan asas kewujudan negara kita.

Cadangan Doa:

- Doakan agar perjanjian bersejarah ini, bersama dengan syarat-syaratnya akan diajar di sekolah kepada semua warga Malaysia.
- Doakan agar terma dan syarat-syarat asal perjanjian tersebut akan dipegang dan disanjung semula.
- Doakan semua individu di negara ini untuk mengakui dan menghormai terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut.
- Doakan agar semua janji yang diberikan kepada warga di Malaysia Timur sebelum pembentukan Malaysia akan dikotakan.

► Hari ke 35 | 10 September

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN URUSAN UMUM

Allah ialah Allah yang suka akan ketertiban, bukan kekacauan. Seperti yang berlaku di semua perjumpaan jemaah Allah. **1 Korintus 14: 33a**

Kedaulatan Undang-Undang dan Urusan Umum adalah sebuah prinsip yang menyatakan bahawa tidak ada seorangpun yang melebihi undang-undang. Kuasa kerajaan harus dilaksanakan selaras dengan undang-undang yang termaktub, berkaitan langkah-langkah yang harus diambil untuk membuat keputusan. Ia dicipta sebagai langkah berjaga-jaga daripada pemerintahan rambang, sama ada daripada pemimpin berkuku-besi mahupun anasir pemberontak. Oleh itu Kedaulatan Undang-Undang berseteru dengan kedua-dua kuasa diktator dan kekacauan. Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi dan sebarang perundangan yang menentangnya tidak akan diambil kira.

Sebagai umat Kristian di Malaysia, kita harus menghargai, mengamalkan serta melindungi hak-hak perlembagaan bagi kebebasan bersuara dan beragama. Kebebasan ini adalah sebahagian daripada maruah manusia sejagat sebagai hidupan yang memiliki kebebasan hasil ciptaan Allah. Kita seharusnya membawa sumbangan yang praktikal kepada undang-undang dan pembaharuan sosial. Kita tidak patut melupakan tanggungjawab sivik di dalam mengekalkan nada moral di dalam masyarakat dan kebebasan di bawah undang-undang untuk mempengaruhi budaya dan polisi umum dengan positif. Dengan menolak perkara yang tidak benar, malah berdiri dengan undang-undang utuh yang membawa kebaikan bersama, adalah amat penting bagi kita untuk melibatkan diri, dan bukannya melarikan diri daripada apa yang sedang berlaku di dalam masyarakat kita. Inisiatif harus diambil untuk mendidik diri kita dan juga jiran tetangga mengenai isu-isu sosial semasa dan melibatkan diri untuk menangani isu-isu tersebut.

Cadangan Doa:

- Doakan agar Perlembagaan Persekutuan akan kekal menjadi undang-undang tertinggi di negara ini.
- Doakan campur tangan Tuhan ke atas setiap cubaan untuk melakukan tafsiran sesat akan Perlembagaan Persekutuan yang mengancam hak-hak rakyat Malaysia.
- Doakan agar rakyat kita mengetahui hak-hak perlembagaan mereka dan melawan pihak-pihak yang mencuba untuk menyesatkan mereka.
- Doakan agar gereja akan mengambil peranan aktif di dalam mempertahankan perlembagaan dan pembentukan polisi umum.

► Hari ke 36 | 11 September

PEMERINTAHAN

Demi Tuhan, hendaklah kamu taat kepada pemerintah, baik kepada Kaisar yang menjadi penguasa yang terutama, penguasa yang terutama, mahupun kepada gabenor yang dilantik oleh Kaisar untuk menghukum orang jahat, dan untuk memuji orang yang berbuat baik.

1 Petrus 2: 13 -14

Pemerintahan yang baik adalah amat penting bagi semua negara untuk menjadi makmur serta memberikan kebaikan kepada rakyat jelatanya. Ia hanya boleh dicapai apabila kebenaran mengawal setiap proses di dalam membuat keputusan dan persetujuan bersama. Hanya apabila kebenaran dikekalkan dan integriti dipegang, barulah pemerintahan yang baik dapat dicapai. Kemudian semua orang akan menerima kebaikan, kemakmuran dan hidup dengan harmoni bersama-sama yang lain. Integriti bukan sekadar amalan, ia adalah satu nilai moral yang harus menjadi inti hidup kita. Oleh itu, cara terbaik bagi melaksanakan perlumbaan dan demokrasi negara kita ialah dengan mencipta dan mengekalkan keadaan di mana hanya yang terbijak dan terbaik boleh memerintah, insan tersebut harus melihat jauh ke hadapan pembangunan negara dan tidak mementingkan diri sendiri. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya kita membuang undi setelah mempertimbangkan polisi yang ditawarkan oleh setiap calon yang bertanding. Bukan hanya mengundi, kita juga harus melibatkan diri di dalam demokrasi dengan terus memastikan mereka yang kita undi untuk menyajung piawai pemerintahan yang tinggi.

Cadangan Doa:

- Doakan supaya kerajaan akan memegang amalan pemerintahan yang baik seperti integriti, amanah dan ketulusan.
- Doakan agar semua individu yang korup, tidak bermoral, bersifat perkauman dan angkuh akan diturunkan daripada kerajaan.
- Doakan agar rakyat akan memastikan kerajaan bertanggungjawab daripada sebarang penyelewengan dan penyalah-gunaan kuasa.
- Doakan umat Krisitan yang berada di dalam kerajaan untuk berkata benar tanpa gentar.
- Doakan pemulihan bagi institusi awam yang telah kehilangan kepercayaan daripada rakyat.

► Hari ke 37 | 12 September

EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL

Bekerjalah untuk kemakmuran kota tempat Aku membuang kamu. Berdoalah kepada-Ku untuk kepentingan kota itu, kerana jika kota itu makmur, kamu pun akan makmur.

Yeremia 29: 7

Pemerhati ekonomi menjangkakan peningkatan Malaysia, diukur berdasarkan Hasil Dalam Negeri(HDN), untuk meningkat lebih kurang 5.3% ke 5.5% pada tahun 2013. Ini adalah satu angka peningkatan daripada tahun 2012. Walau bagaimanapun, hutang negara juga turut meningkat. Kerajaan telah mengumumkan rancangannya di dalam bajet 2013 untuk mengekalkan defisit tersebut pada 4.0%. Namun demikian, tanda tanya masih wujud sekiranya sasaran Kerajaan untuk mengurangkan defisit bajet serendah 2.5% pada tahun 2015 masih boleh dicapai. Penggunaan Kerajaan selalunya melebihi pendapatan asal dan defisit bajet Malaysia kian meningkat hasil daripada perkembangan kos operasi dan bukannya kos-kos pembangunan.

Cadangan Doa:

- Berdoalah menentang penyelewengan yang merompak dana pembangunan bagi komuniti yang lebih memerlukan.
- Doakan penurunan bagi kadar inflasi dan kemiskinan.
- Doakan kebijaksanaan dan amanah di dalam pengendaliankekayaan dan sumber negara.
- Berdoalah bagi peningkatan peluang pekerjaan, ekonomi dan pembahagiankekayaan yang sama rata, supaya rakyat sejagat mampu makmur dan hidup sama-rata bersama-sama.
- Berdoalah bagi umat Kristian yang berada di sektor perniagaan dan korporat untuk hidup berdasarkan prinsip Kerajaan Allah di dalam pilihan dan tindakan mereka.

►Hari ke 38 | 13 September

KESATUAN DAN KEHARMONIAN NASIONAL

Hal itu demikian kerana Kristus sendiri telah membawa kedamaian untuk kita dengan menjadikan orang Yahudi dan orang bukan Yahudi satu umat. Dengan kematian-Nya di kayu salib Kristus telah merobohkan tembok permusuhan yang memisahkan mereka.

Efesus 2: 14

Di dalam masyarakat Malaysia, hubungan antara kaum sering menjadi perkara politik lagi sensitif. Bagi sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia yang wujud di dalam keamanan dan keharmonian, integrasi nasional adalah sesuatu yang sangat penting.

Integrasi nasional kita harus mara daripada sekadar slogan dan toleransi kepada penerimaan, rasa hormat dan kasih kepada satu sama yang lain. Kita harus mempelajari bagaimana untuk menerajui ruang yang dikongsikan oleh semua orang. Usaha tersebut tidak seharusnya dikhaskan kepada golongan-golongan utama seperti rakyat berbangsa Melayu, Cina dan India sahaja. Bangsa minoriti seperti orang asli di Semenanjung, Sabah dan Sarawak juga harus bekerja-sama. Kita hanya akan dapat mengorak langkah kepada kesatuan dan keharmonian nasional apabila setiap bahasa, budaya, agama dan gaya hidup setiap rakyat di Malaysia di hormati dan diterima bersama.

Cadangan Doa:

- Doakan agar umat Kristian akan mengakui dan bertaubat daripada sebarang sifat perkauman yang tersembunyi.
- Doakan bagi hubungan antara kaum untuk dikuatkan dan diutamakan.
- Doakan bagi kefahaman, rasa hormat dan interaksi yang lebih dalam antara kaum di negara ini.
- Doakan agar perkauman dan tindakan megotorkan hubungan antara kaum melalui politik akan dihapuskan.
- Berdoalah bagi kesatuan dan keharmonian nasional yang sebenar.

► Hari ke 39 | 14 September

GEREJA DI TENGAN-TENGAH KITA

*TUHAN telah memberitahu kita apa yang baik. Perkara yang dituntut oleh TUHAN daripada kita adalah supaya kita berlaku adil, selalu mengamalkan kasih, dan dengan rendah hati hidup bersatu dengan Allah kita. **Mikha 6: 8***

Gereja sebagai tubuh Kristus haruslah sentiasa berdoa dan bertindak bagi mengubah negara ini. Ini kerana kita dipanggil untuk menjadi saksi serta memanifestasikan realiti Kerajaan Allah di Malaysia. Ini bermaksud, setiap umat Kristian, di manapun kita berada, apapun posisi yang telah Allah berikan, kita harus menunjukkan kebenaran, keadilan, dan belas kasihan. Dengan berbuat demikian, kita juga membawa hadirat Allah kepada masyarakat.

Oleh itu, umat Kristus harus bukan hanya sekadar berdoa tetapi mengambil setiap peluang untuk mencari “kebajikan bagi bangsa dan negara”. Perkara ini dapat dilaksanaan melalui pelbagai cara, seperti melalui penglibatan terus di dalam politik dan proses membuat pilihan, berganding bahu bersama badan kerajaan dan bukan kerajaan, berdialog bersama kumpulan lain serta memababitkan diri dan masa di dalam khidmat masyarakat.

Cadangan Doa:

- Doakan berkat Allah ke atas Gereja-Nya.
- Doakan gereja untuk menjadi berkat kepada negara.
- Doakan agar gereja terlibat di dalam membangunkan negara.
- Doakan agar Gereja akan dipandang tinggi di negara ini.

► Hari ke 40 | 15 September

MENDEDIKASIKAN NEGARA INI.

Setelah itu aku melihat lagi, lalu nampak lautan manusia yang luar biasa banyaknya. Tidak seorang pun dapat mengira mereka! Mereka daripada setiap bangsa, suku, negara, dan bahasa. Dengan berpakaian jubah putih dan dengan memegang daun palma di tangan, mereka berbaris-baris berdiri di hadapan takhta dan Anak Domba itu. Wahyu 7:9

Malaysia adalah rumah kepada bilangan kumpulan etnik yang besar, masing-masing hidup bersama di dalam harmoni dan membantu untuk memperkayaan gaya hidup di negara ini. Kepelbagaiannya bangsa, agama dan budaya adalah salah satu daripada ciri-ciri unik negara kita.

Kita sedia maklum dengan segala masalah dan kegagalan di dalam negara kita kerana kepelbagaiannya bangsa dan agamanya. Tetapi ketika kita bersiap sedia untuk menyambut perayaan Hari Malaysia yang ke 50 esok, begitu juga dengan Jubli Malaysia, janganlah kita merasa tidak bermaya disebabkan semua perkara yang berlaku di sekeliling kita. Marilah kita memilih untuk menjadi Gereja yang merayakan kepelbagaiannya tersebut, ia adalah berkat Allah kepada Malaysia.

Marilah kita memandang kepada satu dengan yang lain sebagai ahli keluarga meskipun kita berlainan. Cabarannya ialah untuk memperjuangkan keadilan, dan belas kasihan di kalangan komuniti supaya generasi selepas kita boleh berkata, seperti Winston Churchill, “Inilah zaman kegemilangan mereka”.

Deklarasi: Allah yang maha Kuasa, kami mendedikasikan negara tercinta kami, Malaysia, kepada Engkau. Malaysia adalah milik-Mu! Engkau telah memberkati kami dengan masyarakat berbilang kaum, Engkau telah melantik setiap orang tempat dan masa mereka di atas tanah ini. Angkat kami melebihi masalah-masalah yang dibadapi untuk melibatkan diri dan menjangkau keluar dengan kasih, belas kasihan dan kasih kurnia-Mu. Berikan kami mata untuk melihat setiap warga Malaysia sebagai anak-Mu yang Engkau kasih. Kami mendedikasikan diri kami kepada-Mu supaya kami boleh menjadi saluran berkat dan perubahan bagi Malaysia. Tuhan Allah, manefistasikanlah Jubli-Mu ke atas Malaysia!

Cadangan Doa:

- Doakan bagi hati yang diperbaharui ke atas Malaysia dan rakyatnya yang majmuk.
- Dedikasikan Malaysia kepada Allah.
- Mintalah pengampunan bagi waktu-waktu kita berputus asa dan mengutuk para pemimpin negara ini.
- Doakan bagi komitmen yang diperbaharui untuk mengasihi Malaysia seperti Allah sendiri.
- Berdoalah bagi visi yang lebih besar, visi yang merangkumi Malaysia dan lepasi zon keselesaan hidup dan aktiviti gereja kita.

